

SATU KAJIAN DEMOGRAFI SOSIAL
KE ATAS PENDUDUK KAMPUNG LUBUK KELUBI,
ULU LANGAT, SELANGOR

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

OLEH

NO. MATRIK 25617

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1977 / 78

PENGHARGAAN

Dalam proses menyiapkan latihan ilmiah ini penulis telah terhutang budi kepada beberapa orang yang telah membantu penulis semasa membuat kajian luar dan juga dalam masa menulis latihan ilmiah ini.

Pertamaanya penulis mengucapkan terimakasih kepada Puan Rokiah Talib, Pengawas latihan ilmiah ini, di atas tunjukajar dan galakannya. Penulis juga mengucapkan terimakasih kepada Puan Mazidah Zakaria, Dr. A. T. Rambo dan Sdr. Albert Gerard Gomes, di atas nasihat-nasihat mereka.

Penulis juga ingin mengucapkan terimakasih kepada Pak Cik Ismail bin Jain, isterinya, Mak Cik Ramlah bt. Md. Taib serta keluarga yang telah sudi memberikan kemudahan penginapan kepada penulis selama sebulan di rumah mereka. Penulis juga terhutang budi kepada anak mereka Sdr. Jalaludin, seorang penuntut tahun kedua, Fakulti Sains, yang telah membantu penulis dalam banyak hal semasa kajian ini dibuat. Seterusnya kepada penduduk Kampung Lubuk Kelubi yang telah memberikan kerjasama kepada penulis.

Pengkaji juga berterimakasih kepada rakan-rakan yang menyertai kumpulan kajian alamsekitar Lembah Sungai Langat terutama sekali kepada Saudara Abdul Majid Mohd Ali dan Saudara Anwar Jani.

Akhir sekali penulis ingin mengucapkan terimakasih kepada teman-teman di Sekretariat GPMS, Presidennya, Saudara Ahmad Faiz Hamid, ke-semua exco dan kakitangannya, kerana kemudahan dan galakan yang mereka berikan.

SINOPSIS

Kajian ini ialah satu kajian demografi sosial di Kampung Lubuk Kelubi, Ulu Langat, Selangor. Pengkaji memberikan latarbelakang sosial dan ekonomi dalam bab kedua. Ini termasuklah latarbelakang sejarah dan sedikit tentang Adat Minangkabau. Berikutnya diberikan latarbelakang ilmu alam kampung ini. Dalam bab ini juga pengkaji akan membincangkan perhubungan Kampung Lubuk Kelubi dengan pekan-pekan dan bandar-bandar yang berhampiran.

Latihan akademik ini akan menumpukan perhatian kepada proses-proses demografi seperti fertiliti, mortaliti dan penghijrahan. Pengkaji juga akan membuat analisa tentang komposisi umur dan sex secara umum. Dalam menghuraikan proses-proses demografi ini pengkaji akan menghubungkannya dengan faktor-faktor sosial yang ujud.

Penemuan-penemuan dalam kajian ini akan di analisa dalam bab penutup dengan memberikan pandangan-pandangan pengkaji sendiri.

III. LATARBELAKANG DAN ALAM

KAMPUNG LUBUK KELUBI

IV. CEDAS-CEDAS DAN PROSES DEMOGRAFI

PENGKAJIAN KAMPUNG LUBUK KELUBI

4.1 Komposisi Umur dan Sex

4.2 Fertiliti

4.3 Faktor-faktor Yang Membentuk

Guru Penyumbang Fertiliti

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
Penghargaan	iii
Sinopsis	iv
Kandungan	v
Senarai Jadual	vii
Senarai Peta	viii

BAB

I. PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tulisan-Tulisan Mengenai Demografi Di Malaysia	3
1.3 Masalah Kajian	4
1.4 Bidang Kajian	5
1.5 Kaedah Kajian	6
II. LATARBELAKANG SOSIAL DAN EKONOMI KAMPUNG LUBUK KELUBI	10
III. LATARBELAKANG ILMU ALAM KAMPUNG LUBUK KELUBI	20
IV. CIRI-CIRI DAN PROSES DEMOGRAFI PENDUDUK KAMPUNG LUBUK KELUBI	
4.1 Komposisi Umur dan Sex	26
4.2 Fertiliti	33
4.3 Faktor-Faktor Yang Memberi Kesan Terhadap Fertiliti	35

4.31	Faktor-Faktor Biologikal	36
4.32	Faktor-Faktor Sosial Secara Tak Langsung	38
4.33	Faktor-Faktor Sosial Secara Langsung	41
4.4	Mortaliti	43
4.5	Penghijrahan	46
V.	PENUTUP	54
	Bibliografi	62
	Lampiran Soal-Selidik I : Banci Penduduk	65
	Lampiran Soal-Selidik II : Soal-Selidik Demografi	66

SENARAI JADUAL

<u>Jadual</u>		<u>Halaman</u>
2.1 Bilangan Tenaga Kerja Mengikut Jenis Pekerjaan		15
4.1 Piramid Penduduk Kampung Lubuk Keluhi		28
4.2 Penduduk Kampung Lubuk Kelubi : Nisbah Umur dan Sex		29
4.3 Jumlah Kadar Mati Anak-Anak Dalam setiap Kategori Umur Ibu		45
4.4 Tempat Kelahiran Responden		48
4.5 Bilangan Yang Berhijrah Keluar		50

SENARAI PETA

<u>Peta</u>		<u>Halaman</u>
1.	Kedudukan Kampung Sungai Lui, Kampung Lubuk Kelubi dan Kampung Labuhan Dagang ...	21
2.	Petempatan dan Penggunaan Tanah Kampung Lubuk Kelubi	22
3.	Sempadan Eko-Sistem Kampung Lubuk Kelubi	23

Penulis mengucapkan terima kasih atas bantuan teknikal yang diberikan oleh ahli kajian sejarah, geografi dan antropologi, keramik dan teknologi maklumat yang berjaya membantu dalam penyelidikan ini. Sangat berterima kasih dan bersyukur kepada Allah SWT yang memberi jodoh dan berkenan memberi rezeki untuk penyelesaian penyelidikan ini. Penulis juga berterima kasih kepada ahli keluarga dan rakan-rakan yang memberi sokongan dan mendoakan agar penyelidikan ini sukses. Terima kasih juga kepada pihak-pihak yang memberi perlesenan untuk menggunakan maklumat dan sumber-sumber yang diperlukan dalam penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada pihak-pihak yang memberi perlesenan untuk menggunakan maklumat dan sumber-sumber yang diperlukan dalam penyelidikan ini.

Penulis turut berharap, dengan kepentingan sejarah dan arkeologi bagi perkembangan ilmu, tempuh daripada pendekatan geografi, sosial, ekonomi dan antropologi dalam penyelidikan ini, ia akan memberi maklumat yang boleh membantu dalam mendekati dan memahami perkembangan sejarah dan arkeologi di tanah air kita. Selain itu, ia juga berharap maklumat dan sumber-sumber yang diperoleh dalam penyelidikan ini boleh membantu dalam mendekati dan memahami perkembangan sejarah dan arkeologi di tanah air kita.

Penulis juga mengucapkan data dan maklumat pada buku ini merupakan maklumat sejarah, sosial dan juga ekonomi penting yang dibagi, ini wajar kerana dalam maklumat sejarah dan ekonomi yang diketahui ini juga sanggup memberi maklumat tentang sejarah yang dibagikan. Selain itu, maklumat maklumat penting juga akan memberi maklumat tentang faktor-faktor sosial dan ekonomi yang diketahui.

BAB I
PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Latihan Ilmiah ini merupakan satu kajian demografi sosial di kampung Lubuk Kelubi, Ulu Langat, Selangor. Data-data yang digunakan adalah hasil kajian yang telah dijalankan selama sebulan di sana iaitu dari 6 haribulan April hingga 6 haribulan Mei, 1977. Kajian ini adalah sebahagian daripada kajian kumpulan tentang alamsekitar di sepanjang Lembah Sungai Langat di bawah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. Projek ini telah diawasi bersama oleh tiga orang pensyarah dari Jabatan ini yang terdiri dari Dr. A. T. Rambo, Puan Mazidah Haji Zakaria dan Puan Rokiah Talib. Puan Rokiah telah bertindak sebagai penyelia kepada penulis semasa menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Untuk tujuan kajian, tiga buah kampung telah dipilih bagi mewakili bahagian ulu, tengah dan kuala Lembah Sungai Langat. Bagi kawasan tengah Kampung Lubuk Kelubi telah dipilih untuk dijadikan tempat membuat kajian. Kajian kumpulan ini telah dipecahkan kepada empat bahagian iaitu demografi, nutrient flow, ekosistem dan adaptasi psikologi penduduk. Penulis telah ditugaskan untuk membuat kajian demografi di kawasan tengah iaitu di Kampung Lubuk Kelubi.

Selain dari menganalisa data demografi penulis juga akan memberikan latarbelakang sosial dan juga ekonomi penduduk yang dikaji. Ini penting sekali dalam rangka membuat analisa demografi sosial dan latarbelakang ini juga akan merupakan pengenalan kepada masyarakat yang dikaji. Dalam membuat analisa penulis juga akan mengaitkan faktor-faktor sosial dan ekonomi ini dengan data demografi.

Demografi sosial sebenarnya merupakan satu bidang yang mendapat perhatian dari berbagai disiplin. Selain dari disiplin Antropologi dan Sosiologi, demografi sosial juga dikaji oleh ahli ilmu Alam dan Ekonomi. Ia juga berkembang sebagai satu disiplin yang terpisah dari disiplin-disiplin yang telah disebutkan di atas. Oleh kerana mereka datang dari disiplin yang berbeza sudah tentu mereka menggunakan pendekatan dan penekanan yang berbeza di antara satu sama lain. Seorang ahli demografi sosial Jean Bourgeois-Pichat menjelaskan;

"By using the methods of sociology, the demographer is able to show how demographic events take their place within a socio-cultural framework which gives them meaning." (1970:39)

Masalah penduduk ini sudah lama menarik perhatian ahli akademik. Di antara yang terawal menulis tentang penduduk ialah Malthus. Masalah penduduk ini selalunya dikaitkan dengan saiz, kadar pertumbuhan dan susunan umur (age-distribution), dan perhubungan antara penduduk dengan makanan, sumber modal, peluang pekerjaan dan tempat tinggal. Malthus dan pengikut-pengikutnya mengamggap pertambahan penduduk akan menjadi masalah besar kerana kekurangan makanan, sumber modal yang tak boleh diperbaharui, peluang pekerjaan dan tempat tinggal yang terbatas.

Bagi Marx pula bukanlah 'population pressing against resources, but "capitalists" pressing against "proletariat" (Gill, 1975:127). Marx dan pengikut-pengikutnya melihat penduduk itu sebagai 'asset' dan bukan sebagai 'liability'.

Demikian dua pandangan yang bertentangan mengenai penduduk. Bagaimanapun kajian kependudukan atau demografi mesti dijalankan dari masa ke semasa untuk melihat aliran penghijrahan, kadar fertiliti dan juga kematian kerana ini berguna sekali kepada pihak perancang pembangunan negara.

1.2 Tulisan-tulisan mengenai demografi di Malaysia

Kajian demografi di Malaysia masih belum meluas. Perhatian dari ahli antropologi dan sosiologi amat kurang sekali. Kebanyakan penyelidikan awal mengenai demografi di Malaysia dilakukan oleh ahli ekonomi. Di antara ahli antropologi yang telah membuat kajian demografi di Malaysia ialah Fix(1971). Beliau telah mengkaji Orang Semai. Albert Gomes (1976) telah membuat kajian demografi bagi Orang Jahai di Sungai Rual, Kelantan. Di samping itu terdapat juga beberapa latihan ilmiah oleh penuntut-penuntut dari Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. Di antaranya termasuklah 'Population of Sabah' oleh Al'Alim bin Mohd Ibrahim (1966), 'Kampung Muniady: A Socio-economic and Demographic Study of a Squatter Community' oleh Magerprant Siniwasan, dan 'A Survey of the Demographic Structure and Socio-economic Condition of a New Village - Kampung Kuong' oleh Tham Ah Fun. Kebanyakan tulisan-tulisan lain merupakan analisa umum terhadap satu-satu aspek misalkan kadar kelahiran bagi Malaysia. Mereka ini termasuk Chander (1976), Palmore (1968) dan Loo Pat Tai (1969).

Sumbangan terbaru dalam lapangan ini ialah sebuah rencana dalam Development Forum Vo., VI No.1, June 1976 yang ditulis oleh Tan Keng Sooi, seorang pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya bertajuk 'Demography an The Social Structure of The Malays of Kuala Kedah'. Beliau tidak banyak menyentuh tentang proses demografi seperti fertiliti, mortaliti dan penghijrahan. Tidak ada kadar mortaliti diberikan dalam rencananya ini. dalam kesimpulannya beliau menyatakan:

"The high fertility index, the rapid depletion of fishes, shortage of land, and the general reluctance to migrate are the key factors that will generate problems that are really crucial to the community in a few years time." (m.s.28)

1.3 Masalah Kajian

Kajian demografi selalunya tidak terlepas dari beberapa masalah terutama sekali dalam menentukan tahun atau umur yang berkaitan. Di Barat misalnya kaum wanita lebih suka mengurangkan umur mereka. Di Dunia Ke Tiga pula kebanyakannya penduduknya tidak begitu mengambil berat mengenai tahun berlakunya satu-satu peristiwa atau pun umur mereka sendiri. Mereka sering menghubungkan kejadian sejarah tempatan bila ditanya tentang umur. Selain dari itu masyarakat ini juga merupakan masyarakat peralihan yang masih banyak mengekalkan sifat-sifat tradisi mereka. Hal-hal yang bersangkutan dengan perancangan keluarga misalnya bukanlah satu hal yang senang hendak dibincangkan secara terbuka. Demikian juga mengenai perceraian. Semua ini merupakan masalah kepada pengkaji dalam menjalankan kajian.

Mengenai umur responden selalunya tidak memberikan umur yang tepat. Ada kecenderungan bagi mereka untuk memberikan umur atau tahun yang berkaitan dengan akhiran '0' atau '5' atau dengan angka genap seperti '4', '6' atau '8'. Responden lelaki lebih tepat dalam memberikan jawapan. Untuk mengatasi masalah ini pengkaji telah menggunakan peristiwa sejarah seperti Perang Dunia Ke Dua dan Kemerdekaan Malaysia dalam menentukan tarikh-tarikh yang bersangkutan dengan umur, kelahiran dan juga kematian.

Kesulitan juga timbul dalam menentukan sebab-sebab kematian. Responden tidak begitu pasti jenis penyakit yang dihidapi oleh si mati. Responden selalunya memberikan jawapan yang hampir sama seperti demam panas atau sakit tua. Kematian anak-anak yang berumur di bawah satu tahun dan juga kematian bayi yang berlaku selepas kelahiran selalunya tidak disebut bila pengkaji menanyakan mengenai kematian yang berlaku dalam sesatu keluarga. Dengan itu pengkaji terpaksa membuat semakan dengan jiraninya atau orang

lain yang tahu mengenai perkara tersebut.

Sungguhpun perceraian jarang berlaku dalam kampung ini tetapi ada juga beberapa orang yang mengalami perceraian. Berhubung dengan masalah ini pula pengkaji tidak banyak mendapat jawapan yang tepat mengenai sebab-sebab bercerai mereka.

Satu lagi masalah yang timbul ialah mengenai penentuan sempadan. Kampung Lubuk Kelubi ini letaknya di tengah-tengah antara Kampung Kuala Perdik dan Kampung Padang tetapi mereka juga menganggap yang ketiga-tiga kampung ini sebenarnya merupakan satu kampung yang besar. Sekolah Kebangsaan Kampung Lubuk Kelubi letaknya di Kampung Kuala Perdik dan Kampung Padang pula adalah di bawah Tok Empat (Ketua Kampung) yang sama dengan Kampung Lubuk Kelubi dan mereka bersembahyang Jumaat di masjid yang sama. Faktor-faktor ini menyebabkan penulis sukar untuk mendapatkan 'crude death rate' kerana ada kemungkinan si mati yang sebenarnya tinggal di Kuala Perdik di rekodkan di bawah Kampung Lubuk Kelubi. Dengan sebab inilah juga penulis tidak menganggap pemindahan tempat tinggal dari Kuala Perdik atau Kampung Padang ke Lubuk Kelubi sebagai satu penghijrahan.

1.4 Bidang Kajian

Kajian ini adalah satu kajian demografi sosial khusus bagi Kampung Lubuk Kelubi. Penulis akan memberikan latarbelakang sosial dan juga ekonomi dalam bab kedua sebagai pengenalan kepada masyarakat yang dikaji. Pengenalan ini dirasakan penting dalam rangka melihat salingkait antara faktor sosial dan proses demografi sesebuah kampung. dalam bab ketiga penulis akan memberikan latarbelakang ilmu alam kampung Lubuk Kelubi. Di antara aspek yang akan dilihat dalam bab ini ialah kedudukan fizikalnya, land-use dan kepentingan sungai.

Bab keempat merupakan bab terpenting dan dalam bab ini nanti penulis akan menganalisa data-data yang berhubungan dengan proses-proses demografi seperti struktur umur-sex, fertiliti, mortaliti dan juga penghijrahan. Penulis akan cuba memberikan faktor-faktor sosial yang mempengaruhi proses-proses demografi yang berlaku. Seterusnya dalam bab terakhir penulis akan menganalisa penemuan-penemuan dalam kajian ini dan juga membuat beberapa saranan.

1.5 Kaedah Kajian

Dalam mengumpul data penulis telah menggunakan kaedah antropologi dan sosiologi seperti soalselidik dan pemerhatian. Penulis telah menjalankan oral-interview sendiri dengan dibantu oleh pemuda-pemuda kampung ini yang sentiasa mendampingi penulis sepanjang kajian ini dibuat. Temuramah telah dijalankan dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya. Oleh kerana penduduk di sini menggunakan loghat Minang pengkaji terpaksa juga mempelajari beberapa perkataan yang sering digunakan terutama sekali oleh orang-orang tua. Ini tidak merupakan masalah besar.

Di sepanjang kajian itu dibuat pengkaji telah tinggal di kampung ini selama sebulan dan diikuti dengan beberapa kunjungan singkat sebelum latihan ilmiah ini disiapkan. Rapport di antara pengkaji dengan responden adalah penting. Banyak maklumat yang diperlukan tidak akan dapat diperolehi tanpa perhubungan yang baik dengan responden. Di antara maklumat yang dimaksudkan ialah maklumat yang berkaitan dengan perancangan keluarga dan juga sebab-sebab bercerai. Soalan secara langsung berhubung dengan masalah ini ternyata tidak dapat menolong penulis. Perbualan secara informal ini banyak

dilakukan oleh penulis terutama sekali selepas sembahyang jumaah di masjid pada waktu malam.

Selain dari pemerhatian penulis juga telah menggunakan soalselidik. Dua set soalselidik telah digunakan. Dua set soalselidik yang berlainan itu adalah seperti berikut:

1. Banci Penduduk - banci penduduk ini bertujuan untuk mendapatkan jumlah penduduk, nama, umur, ugama, bangsa, pekerjaan, sex, status perkahwinan, tarikh lahir, tempat lahir dan jumlah anak yang mati bagi perempuan yang sudah berkahwin.
2. Soalselidik Demografi - dalam soalselidik demografi ini hal-hal yang berhubungan dengan penghijrahan, fertiliti, dan kematian ditekankan. Ini termasuklah butir-butir tentang diri ibu-bapa dan adik-beradik responden. Sejarah perkahwinan seperti tarikh perkahwinan dan perceraian (jika ada) dan jumlah anak yang tinggal di lain tempat juga dicatatkan. Soalan dalam bahagian kedua ini ada yang sudah ditanya dalam bahagian pertama (banci penduduk) tetapi ini dapat menolong pengkaji untuk membuat semakan.

Banci telah dijalankan dahulu dan ini hanya mengambil masa cuma beberapa hari sahaja. Ini mudah dijalankan kerana yang diperlukan ialah perkara-perkara yang disebutkan di atas sahaja dan kesemua ini selalunya dapat diberikan dengan senang oleh isteri atau suami. Kesulitan timbul bila

soalselidik kedua dijalankan. Banyak soalan yang perlu dijawab dan ini selalunya membosankan responden. Soalan-soalan pula memerlukan butir-butir yang terperinci berhubung dengan ibu-bapa responden. Di samping itu mereka juga ditanya mengenai sejarah perkahwinan seperti umur masa kahwin dan juga butir-butir berhubung dengan suami atau isteri responden.

Bagi soalselidik kedua penulis telah mengambil 62 orang (31 pasangan suami isteri) untuk dijadikan sampel. Bagaimanapun dalam membuat analisa, penulis hanya mengambil data-data yang berhubungan dengan penghijrahan sahaja dari soalselidik ini. Data-data yang diperlukan untuk menganalisa fertiliti dan mortaliti diambil dari banci penduduk iaitu dengan tidak menggunakan sampel.

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini responden selalunya tidak begitu pasti mengenai tarikh-tarikh yang bersangkutan dengan satu-satu perkara seperti perkahwinan atau kematian dan ini menimbulkan kesulitan kepada pengkaji. Ada responden yang tidak ingat langsung butir-butir mengenai ibu-bapanya kerana mereka telah lama meninggal. Di atas sebab-sebab yang serupa ini pengkaji terpaksa memilih responden yang boleh memberikan segala butir-butir yang berhubungan dengan seberapa tepat yang boleh.

Interbiu selalunya dijalankan di waktu petang kerana kebanyakan mereka bekerja sebelah pagi. Bagi mereka yang bekerja makan gaji, interbiu dijalankan pada hari Ahad. Masa yang sesuai ini perlu kerana soalannya terlalu panjang dan memakan masa.

Satu ciri umum bagi sesebuah kampung ialah adanya hubungan keluarga. Ini telah menyenangkan lagi pengkaji kerana banyak maklumat yang boleh didapati tanpa menanya responden sendiri. Ini juga banyak menolong pengkaji untuk merujuk.

kaji untuk membuat semakan.

Semasa menjalankan kajian ini responden sering menunjukkan keraguan mereka kerana soalan yang ditanyakan kepada mereka itu terlalu banyak dan mereka menjadi curiga mengenai tujuan kajian. Bagaimanapun keraguan ini beransur-ansur hilang setelah beberapa hari tinggal di kampung ini dan bergaul rapat dengan anak-anak mereka.

Dalam perkongsian mereka tentang perkembangan anak-anak mereka selama mereka tinggal di sini, kelahiran seperti ibu dan bapa dan penelitian anak dan kelahiran baru seperti ibu, berasne dan buah-buahan di kampung di sekitar mereka di segeri Seremban, dia berkata sesaya yang belum lama ini juga mendapat seorang anak perempuan. Baiklah-kalau dia pun sajalah turut pulih kepada perkembangan ibu lahiran kakuh-kakuh dan dia merasa dia dan anaknya mengalami kesenang. Kemudian dia berbilang kali lagi memberitahu bahawa dia juga sahaja ada dua orang putera.

Dari perkongsian mereka, dia berjalin hubungan baik dengan pihak-pihak dari masyarakat di sekitar dia tinggal. Dia berjalin hubungan baik dengan pihak-pihak lain yang mendapat pengaruh dan pengaruh seperti orang-orang tertua tempat ibu mereka tinggal dari sejak jauh dahulu, apabila kampung masih belum lagi menjadi perkotaan, dalam hal yang sama dengan kaum lain yang tidak lagi mendapat pengaruh, dia akan bertemu dengan mereka pada ketika-ketika mereka tidak bersambutan. dia adalah orang yang senang bersama-sama dengan orang-orang yang tidak bersambutan kerana mereka bertemu dengan dia dan dia sentiasa memberikan perhatian kepadanya. Untuk orang yang tinggal di kampung dia sejak dia lahir, dia tidak pernah mendapat pengaruh.

Mengikut adat, si suami tidak mempunyai peranan penting dalam kehidupan harian satu keluarga. Dia dianggap 'orang samando' di rumah isterinya. Di rumah emaknya ia menjadi mamak dan tidak berhak ke atas harta keluarga. Dia juga tidak berhak memiliki bilik sendiri dalam rumah. Bilik hanya untuk anak perempuan. Anak lelaki yang belum kahwin selalunya tidur di rumah-rumah kosong atau di surau-surau.

Faktor adat yang demikian merupakan faktor yang menolak dalam proses penghijrahan pada peringkat awal ini. Merantau menjadi ciri hidup kepada Orang Minangkabau. Dianggarkan hampir setengah daripada Orang Minangkabau tinggal di luar dari tempat asal mereka iaitu Sumatera Barat. Pari benci tahun 1971 jumlah penduduk Sumatera Barat ialah 2.7 juta orang. Ini bermakna jumlah yang hampir sama juga tinggal berselerak di merata tempat di Nusantara. (lih. Mochtar Naim 1971:5).

Peneroka-peneroka yang membuka tanah di Kampung Lubuk Kelubi ini bukanlah mereka yang datang terus dari Sumatera. Mereka ini lahir di Sumatera dan telah dibawa oleh ibu-bapa mereka berhijrah ke Semenanjung dan kemudian menetap di tempat-tempat yang telah disebutkan sebelum ini. Di antara mereka ini pula ada yang pulang ke Sumatera dan membawa datang sahabat handai atau saudara mara mereka pula. Ada juga yang pulang ke sana untuk mencari jodoh dan kemudiannya dibawa bersama ke Semenanjung. Sekarang ini tidak ada lagi pendatang baru dari Sumatera. Ini ialah kerana kawalan imigresen yang ketat dan juga kerana susah untuk mendapatkan sijil kerakyatan.

Dari apa yang dapat diperhatikan oleh penulis adat sudah banyak ditinggalkan. Peranan mamak sudah tidak ada dan bapa mempunyai tanggung-

jawab langsung terhadap anak-anak mereka. Anak lelaki mempunyai hak yang sama dalam rumah. Konsep suku tidak berfungsi lagi. Kebanyakan mereka tidak tahu lagi apakah suku mereka.

Orang Palembang dan Kurinci merupakan golongan minoriti yang tidak memainkan peranan penting dalam soal kepimpinan kampung. Ketua kampung dipanggil 'Tok Empat' dan ini adalah satu panggilan yang biasa digunakan di Minangkabau. Jawatan ini sekarang sudah diiktiraf oleh kerajaan sama seperti ketua-ketua kampung di lain-lain tempat. Tok Empat sekarang menjadi penghubung antara kerajaan dan orang kampung. Dengan itu jelas fungsi-nya sudah bertambah kalau dibandingkan dengan tugas tradisinya seperti menjadi orang tua tempat rujukan anak kampung kalau berlaku apa-apa konflik dalam kampung. Dalam struktur pentadbiran Tok Empat adalah di bawah penghulu. Bagi Mukim Ulu Langat pejabat penghulunya terletak di Batu 14, Ulu Langat.

Bentuk organisasi yang ada di kampung ini sekarang semuanya merupakan organisasi baru. Di Lubuk Kelubi ini ada Cawangan UMNO, Pertubuhan Belia, Ahli Jawatankuasa Masjid dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Tok Empat secara otomatis menjadi pengurus kepada Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Walaupun ada beberapa jawatankuasa seperti yang telah disebutkan di atas tetapi kegiatannya tidak begitu pesat. Pertubuhan parti politik seperti UMNO tidak mementingkan kegiatan bersifat sosial atau ekonomi. Cawangan parti seperti ini selalunya menjadi tempat mengadu masalah dengan harapan mendapat pertolongan tokoh-tokoh politik. Demikian juga dengan jawatankuasa-jawatankuasa lain. Sepanjang pemerhatian dan juga perbualan dengan orang-orang yang berkenaan tidak ada kegiatan penting yang dijalankan oleh badan-badan ini. Ahli Jawatankuasa Masjid mempunyai tugas tahunan seperti menge-lolakan zakat fitrah dan juga derma yang telah disumbangkan oleh orang

ramai kepada masjid. Kegiatan kecil yang dilakukan termasuklah membersihkan masjid. Inilah satu-satunya bentuk gotong-royong yang dapat penulis saksikan ketika berada di sana selama sebulan.

Pertubuhan belia mengalami kesulitan untuk menjalankan kegiatan kerana ramai diantara mereka yang sudah berhijrah ke bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Kajang dan juga lain-lain tempat untuk bekerja. Penghijrahan ini melibatkan ahli biasa dan juga pemimpin-pemimpin belia. Selalunya kegiatan belia di kampung-kampung seperti Lubuk Kelubi ini tertumpu kepada projek-projek pertanian dan ini memang digalakkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Bagaimanapun penulis dapati tidak ada satu pun projek pertanian atau lain-lain projek yang sedang diusahakan oleh belia di sini. Mungkin ini merupakan satu akibat yang jelas kepada proses penghijrahan yang sedang berlaku sekarang.

Kegiatan gotong-royong selalunya berkait rapat dengan penanaman padi. Bagi kampung ini bersawah tidak lagi merupakan pekerjaan terpenting bagi penduduk di sini. Ini dengan sendirinya mengurangkan kegiatan gotong-royong diantara mereka. Menoreh pula tidak memerlukan kerja-kerja bercorak gotong-royong. Sekarang kerja-kerja gotong-royong terbatas kepada khenduri, majlis kahwin dan juga bila berlaku kematian.

Semangat kekitaan yang ada pada penduduk di sini adalah berasaskan kepada ugama, bahasa, kekeluargaan dan tempat asal. Kesemua penduduk di sini berugama Islam dan kebanyakannya pula berasal dari Minangkabau dan menggunakan loghat Minang dalam pertuturan hari-hari mereka. Orang Palembang dan kurinai yang merupakan golongan minoriti di sini menggunakan loghat Minang bila bercakap dengan orang Minang. Ugama penting bagi penduduk di sini. Pemimpin bagi sesebuah kampung seperti ini selalunya berkait rapat

dengan ketokohan mereka di bidang ugama. Masjid merupakan satu institusi penting di mana mereka berkumpul menunaikan sembahyang jumaah maghrib dan isyak dan juga untuk sembahyang Jumaat sekali seminggu. Diantara yang sering menjadi imam ketika sembahyang jumaah waktu maghrib dan isyak ialah Tok Empat sendiri.

Dari segi ekonomi jelas menunjukkan adanya perubahan dari pergantungan kepada hasil pertanian seperti padi dan getah kepada bekerja dengan kerajaan atau swasta. Masih ramai yang menoreh getah tetapi pada pendapat penglis bilangan ini tidak akan bertambah. Begitu juga dengan bersawah. Pada peringkat awalnya getah, padi dan dusun buah-buahan memang merupakan sumber pendapatan yang penting tetapi dengan pertambahan penduduk dari masa ke semasa peratus penduduk yang terlibat dalam sektor pertanian semakin kurang. Luas tanah sawah dan juga getah tidak berubah. Kebanyakan dari penduduk di sini juga tidak mempunyai tanah. Pemilikan tanah mempunyai hubungan rapat dengan sejarah pembukaan kampung ini. Penglis tidak membuat kajian secara terperinci mengenai pemilikan tanah tetapi dari apa yang difahamkan oleh penduduk di kampung ini, hanya beberapa orang sahaja yang menguasai sejumlah besar tanah dusun dan sawah di kampung ini. Keadaan pemilikan ini juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan ramai daripada belia-belia terpaksa berhijrah ke bandar kerana kekurangan tanah untuk diusahakan. Hasil padi tidak begitu lumayan dan ini tidak menggalakkan mereka menyewa tanah orang lain untuk mengerjakan sawah.

Untuk melihat dengan lebih jelas lagi mengenai kegiatan ekonomi atau sumber pendapatan penduduk di sini, berikut ini ialah jadual pekerjaan dan bilangan tenaga kerja:

JADUAL 2.1

BILANGAN TENAGA KERJA MENGIKUT JENIS PEKERJAAN

Jenis Pekerjaan	Lelaki	%	Perempuan	%
1. Menoreh, mencari buluh dan bersawah	31	43.05	-	-
2. Buruh LLN, JKR, Jabatan Hutan, Dewan Bandaraya dan RTM	27	37.5	-	-
3. Buruh kilang, membuat bangunan, dll.	4	5.56	4	36.36
4. Berniaga	8	11.11	3	27.28
5. Guru dan kerani	2	2.78	4	36.36
Jumlah	72	100	11	100

Kumpulan di atas bukanlah berdasarkan pendapatan. Penulis sengaja memasukkan menoreh, mencari buluh dan bertani ke dalam satu kumpulan kerana kebanyakan mereka ini melakukan lebih dari satu jenis pekerjaan - misalnya mencari buluh dan menoreh atau bertani dan menoreh. Dalam kumpulan pertama ini juga tidak tepat kalau dikatakan tidak ada perempuan yang terlibat, tetapi selalunya pekerjaan ini dirujukkan kepada suami. Apa yang sebenarnya berkaku dalam sektor pertanian seperti ini ialah keluarga merupakan satu unit pengeluaran. Dalam mencari buluh, isteri dan anak-anak mereka juga turut terlibat dalam membuat colok¹. Penglibatan kanak-kanak di bawah

1. Digunakan oleh orang Cina dalam upacara keugamaan mereka.

umur memang satu perkara biasa dalam sektor pertanian dan kerja-kerja sendiri seperti membuat colèk ini.

Dari jumlah tiga orang perempuan yang bermiaga itu semuanya terdiri dari mereka yang sudah tua dan kematian suami. Dua daripada mereka menjual kuih dan seorang lagi pekedai runcit. Di kampung ini cuma ada tiga buah kedai runcit. Dalam kumpulan peniaga dalam jadual di atas termasuk juga mereka yang menjalankan perniagaan mereka di Kuala Lumpur. Jenis perniagaan yang dijalankan adalah seperti menjual ikan dan sayur-sayuran. Bagi kumpulan peniaga ini hanya dua orang yang agak tinggi pendapatannya dan mampu memiliki lori kecil dan rumah yang agak besar. Kedua-dua mereka ini ber- niaga di Kuala Lumpur.

Dalam kumpulan kedua di atas iaitu buruh di jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun tidak ada yang bertaraf pegawai. Mereka ini pula ramai yang bekerja dengan Lembaga Letrik Negara (LLN). Ini ialah kerana adanya satu janakuasa letrik di Pansoon, yang letaknya kira-kira dua batu dari kampung ini dan memang menjadi amalan Lembaga ini untuk mengambil pekerja-pekerja dari mereka yang ada hubungan dengan kakitangan-kakitangan Lembaga sendiri.

Penulis mendapati majoriti penduduk yang terlibat dalam kumpulan pekerjaan pertama ialah dari golongan tua. Dalam kumpulan kedua terdapat perseimbangan antara golongan tua dan muda. Kumpulan ketiga iaitu buruh kilang dan golongan keempat, kerani dan guru, dimonopoli oleh golongan muda. Golongan yang mendapat pendidikan sampai ke peringkat menengah baru mencapai umur tiga puluhan tahun. Golongan ini telah ada yang berpindah ke lain tempat kerana pekerjaan masing-masing. Kerana inilah juga kedudukan

ekonomi penduduk kampung ini tidak dapat dijelaskan dari jadual pekerjaan bagi penduduk yang menetap di sini sahaja kerana ada diantara mereka yang mempunyai anak yang sudah menetap di lain tempat yang sering membantu ibu-bapa mereka di kampung. Bagi mereka yang tinggal di kampung, golongan muda ini selalunya tinggal bersama-sama dengan ibu-bapa mereka dan pendapatan mereka sedikit sebanyak dapat membantu perbelanjaan keluarga masing-masing.

Selain daripada jenis pekerjaan yang telah disebutkan di atas, penduduk di sini ada juga membuat kerja-kerja sampingan seperti menternak ayam dan ikan. Bagaimanapun tidak ramai yang menjalankan pekerjaan ini kerana tidak berani menanggung risiko. Menternak ayam memerlukan modal dan kalau sakit atau lambat mendapat pasaran mereka akan menanggung kerugian. Bagi ikan pula masalah yang timbul ialah sukarnya untuk mendapatkan tempat membuat kolam yang sesuai. Membuat colok pula boleh menjadi kerja sampingan kepada kebanyakan penduduk di sini tetapi kebanyakan daripada mereka tidak membuat kerja ini kerana dianggap salah dari segi ugama. Hanya tujuh orang sahaja diantara mereka yang mencari buluh dan ini bermakna tujuh keluarga sahaja yang terlibat dengan pekerjaan membuat colok. Penulis juga mendapati tidak ada penduduk di sini yang telah berpindah ke rancangan-rancangan tanah kerajaan. Terdapat hanya dua orang peserta rancangan tanah di Sungai Tekali tetapi mereka masih tinggal di kampung ini. Mereka ini telah dimasukkan ke dalam kumpulan pertama.

Satu perubahan yang jelas berlaku ialah peralihan bidang pekerjaan yang berhubung dengan pertanian kepada yang bukan pertanian. Implikasi sosial dari perubahan pekerjaan ini ialah berkurangnya kegiatan yang bersifat gotong-royong di kalangan mereka. Perubahan-perubahan ini merupakan

akibat langsung dari mobilisasi sosial. Karl Deutsch memberi definisi mobilisasi sosial sebagai "the process in which major clusters of old social, economic and psychological commitments are eroded and broken and people become available for new patterns of socialization and behavior." (seperti yang dipetik oleh Eisenstadt 1969:2). Diantara petunjuk-petunjuk kepada perubahan ini termasuklah peralihan bentuk pekerjaan dari sektor pertanian kepada pekerjaan yang bukan berkaitan dengan pertanian, lebih ramai yang mendapat pelajaran secara formal, pertambahan pendapatan per kapita dan juga respons kepada sebaran am semakin bertambah baik. Segala petunjuk kepada perubahan ini adalah bersalingkait diantara satu sama lain. Pelajaran formal akan meningkatkan lagi respons terhadap sebaran am seperti akhbar, radio dan telivisyen dan seterusnya juga ia merupakan jalan untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Peralihan pekerjaan dari yang berhubung dengan pertanian kepada pekerjaan lain juga memberi kesan kepada fungsi keluarga sebagai satu unit pengeluaran. Dalam pekerjaan seperti bersawah, ia melibatkan anggota keluarga seperti anak-anak dan isteri tetapi bila si suami sudah bekerja makan gaji, anak-anak dan isteri tidak lagi terlibat dalam proses pengeluaran.

Dengan kenyataan-kenyataan di atas jelas kepada kita masyarakat Kampung Lubuk Kelubi sedang mengalami perubahan dari segi sosial dan ekonomi. Perubahan yang sedang berjalan ini agak cepat kerana kedudukannya yang hampir dengan Kuala Lumpur.

Keadaan yang agak berbeza berlaku di Labuhan Dagang. Jarak diantara Labuhan Dagang dan Kuala Lumpur adalah lebih kurang 40 batu. Jadi tidak ada mereka yang bekerja di Kuala Lumpur tetapi masih tinggal di Labuhan


Dagang. Keadaan ekonomi di sini pula lebih mantap dari Kampung Lubuk Kelubi. Menurut Saudara Anwar Jani majoriti penduduknya masih terlibat dalam sektor pertanian yang berasaskan kepada kopi dan kelapa sawit. Kalau dibandingkan dengan jenis pertanian yang ada di Lubuk Kelubi yang berasaskan padi dan getah, kelapa sawit dan kopi lebih banyak mendatangkan hasil. Padi di Lubuk Kelubi kebanyakannya bukanlah untuk dijual tetapi adalah untuk kegunaan sendiri. Telah dijelaskan di atas bahawa sektor pertanian di Lubuk Kelubi ini tidak berkembang dan jenis pertaniannya tidak dapat menarik para belia. Di Labuhan Dagang ramai belia yang terlibat dalam sektor ini. Kedua jenis tanaman seperti kelapa sawit dan kopi memerlukan tenaga kerja yang lebih ramai dan kebanyakannya mereka ini terdiri dari belia-belia. Penge luaran kedua-dua jenis tanaman ini bukan sahaja melibatkan anggota keluarga tetapi juga memerlukan tenaga tambahan. Sektor pertanian di Labuhan Dagang lebih mampu untuk menyerap lebih ramai buruh . Keadaan yang ujud ini mempunyai hubungan dengan kadar dan arah penghijrahan (volume and direction of migration) yang akan dibincangkan dalam bab empat. Perubahan dari segi pekerjaan iaitu dari sektor pertanian kepada yang bukan pertanian tidak banyak berlaku di Labuhan Dagang. Menurut Saudara Anwar Jani tidak kedapatan dalam senarai pekerjaan bagi penduduk Labuhan Dagang mereka yang bekerja sebagai kerani atau guru.

BAB III

LATARBELAKANG ILMU ALAM KAMPUNG LUBUK KELUBI

Kampung Lubuk Kelubi ini letaknya kira-kira $18\frac{1}{2}$ batu dari Kuala Lumpur dan 17 batu dari Kajang . Sistem perhubungan yang ada ialah jalanraya. Sebatang jalanraya telah dibina dari Ulu Pansoon yang terletak kira-kira 3 batu dari kampung ini ke simpang Batu 9, Ceras di mana jalan ini bertemu dengan jalanraya yang menghubungi Kuala Lumpur dan Kajang (jalan besar utara-selatan). Kajang ialah pusat pentadbiran bagi Ulu Langat dan Kampung Lubuk Kelubi adalah termasuk ke dalam daerah ini. Kampung ini pula adalah di dalam Mukim Ulu Langat (salah satu mukim dalam Daerah Ulu Langat) yang ditadbirkan oleh seorang penghulu. Pejabat penghulu mukim ini letaknya di pekan Batu 14. Pekan yang lebih hampir dengan kampung ini ialah Pekan Batu 18. Pekan ini ialah tempat penduduk di sekitarnya membeli-belah.

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab satu bahawa kampung ini dipilih untuk mewakili kawasan ulu Lembah Sungai Langat (lihat peta di muka 21). Pemilihan ini boleh diterima kerana kedudukan kampung ini adalah diantara beberapa buah kampung yang paling ulu kedudukannya. Penempatan yang berhampiran dengan sungai seperti yang terdapat di kampung ini adalah kerana kawasan ini agak berbukit-bukit. Ini membolehkan mereka menjalankan aktiiti pertanian. Kawasan yang agak tinggi ditanam dengan getah kerana getah memerlukan sistem saliran air (drainage system) yang baik. Di kawasan rendah ditanam padi dan tanaman selingan seperti limau nipis, serai, jagung dan kadang tanah. Selain daripada itu terdapat juga tanaman jangkapanjang iaitu pokok buah-buahan seperti durian, manggis, langsat dan



PETUNJUK :




Jalanraya

Sungai

Bandar

KAMPUNG
DAGANG.





PETUNJUK:

- [Solid black rectangle] Jalanraya
- [Wavy line] Sungai
- [Black dot] Bandar
- [Black dot with star] KAWASAN KAJIAN



Sekil : 1 Inci = 4 Batu

TAJUK : SEMPADAN EKO - SISTEM
KAMPUNG LUBOK KELUBI.

lain-lain. Hasil pertanian selingan ini selalunya dijual dipekan-pekan yang berhampiran atau pun Kuala Lumpur. Dalam peta lakar kampung Lubuk Kelubi (lihat peta di muka surat 23) menunjukkan getah dan padi adalah asas kepada aktiviti pertanian kampung ini.

Selain daripada Sungai Langat, sungai yang terbesar, ada dua cabang sungai iaitu Sungai Congkak dan Sungai Perdik. Penduduk kampung ini menggunakan sungai-sungai ini untuk mandi, membasuh dan juga untuk diminum. Menurut Saudara Majid, seorang ahli kajian kumpulan ini, didapati 60.7% daripada penduduk kampung ini menggunakan ketiga-tiga sungai tersebut pada setiap hari. Selain daripada itu sungai juga digunakan oleh penduduk di sini untuk membawa buluh dari ulu sungai ke kampung-kampung di tebing sungai.

Telah juga disebutkan dalam bab satu bahawa ini adalah satu kajian alamsekitar atau pun ecological study. Hubungan demografi dengan ekologi ini dijelaskan oleh Swedlund dan Armelagos begini:

"Demographic analysis becomes a very important aspect of ecological studies because it is one of the most easily quantified products of ecological interactions."
(1976: 59).

Manakala ekologi pula adalah "the study of the principles governing the interrelationships of organisms and their environments." (Manning dan Truzzi 1972:213). Perhubungan antara manusia dengan persekitaran ini dapat juga dijelaskan dengan pola pekerjaan yang telah dibincangkan dalam bab kedua. Dari jenis pekerjaan yang ada dapat dilihat bagaimana penduduk kampung ini menyesuaikan diri dengan persekitaran fizikal yang ada. Dari

pekerjaan seperti kerja kilang di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah memperluaskan ekosistem kampung ini. Mereka tidak lagi terhad kepada persekitaran yang sempit dalam tiga atau empat batu di sekeliling kampung ini sahaja (misalnya mencari buluh, rotan dan petai). Semua ini dimungkinkan oleh adanya sistem perhubungan jalanraya yang baik. Ekosistem merupakan salingkait empat unsur yang berlainan: penduduk, teknologi, organisasi dan persekitaran (environment). Dengan memahami salingkait keempat-empat unsur (elements) ini membolehkan kita memahami masalah penduduk pada keseluruhannya (lihat Worsley : 21 - 23). Dari segi teknologi yang ada di dalam kampung ini sendiri tidak banyak berubah iaitu masih dengan teknologi simple yang berasaskan kepada pertanian. Bagaimanapun penduduk di sini juga turut terlibat dengan teknologi moden di pusat bandar seperti Kuala Lumpur dan dalam sektor perindustrian moden ini merebakkan pemilik kepada teknologi yang ada. Kesan daripada peluasan ekosistem ini jugalah sudah kedapatan kawasan tanah sawah yang tidak diusahakan lagi. Kesan penghijrahan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab empat.

Kemudahan sosial yang ada bagi kampung ini termasuklah sebuah sekolah kebangsaan yang letaknya di Kuala Perdik dan sebuah klinik bidan di Kampung Padang. Kemudahan-kemudahan ini adalah untuk ketiga-tiga buah kampung ini. Tidak ada pondok talipon dibina. Pondok talipon yang paling hampir ialah di Batu 18 dan penulis mendapati ianya tidak berfungsi lagi. Kerajaan juga telah membina sebuah masjid baru bagi penduduk Kampung Lubuk Kelahi dan Kampung Padang. Kerajaan juga telah membina sebuah balairaya di kampung ini dan ianya berfungsi dengan baik. Penduduk disini telah menggunakan kemudahan ini dengan berbagai cara seperti mengadakan kelas ugama,

mesyuarat dan perjumpaan-perjumpaan sosial. Di samping itu kerajaan juga menyediakan kemudahan letrik dan juga paip air (oleh kerana tekanan air tidak cukup, bekalan air adalah terhad). Kemudahan kesihatan juga terhad. Hospital yang paling hampir ialah di Kajang iaitu kira-kira 17 batu dari kampung ini.

BAB IV

CIRI-CIRI DAN PROSES DEMOGRAFI PENDUDUK

KAMPUNG LUBUK KELUBI


Dalam bab ini penulis akan membincangkan komposisi umur dan sex, proses-proses penting demografi seperti fertiliti, mortaliti dan penghijrahan. Penulis akan menghubungkan proses-proses ini dengan faktor-faktor sosial yang ada memberi kesan. Dalam membuat analisa ini penulis menghadapi kesukaran terutama sekali dalam mendapatkan data yang tepat mengenai fertiliti dan mortaliti.

Sehingga bulan April, 1977 (iaitu sehingga selesai kajian ini dibuat) jumlah penduduk Kampung Lubuk Kelubi ialah seramai 370 orang. Daripada jumlah ini lebih kurang 90 % adalah Orang Minang dan selebihnya terdiri dari Orang Kurinci dan Palembang. Ketiga-tiga kumpulan ini berasal dari Sumatera dan mereka mengidentifikasi diri mereka sebagai Melayu.

4.1 Komposisi Umur dan Sex

Bagi jadual komposisi atau struktur umur dan sex (sila lihat halaman 28 dan 29), penulis telah memasukkan umur lebih daripada 60 tahun ke dalam satu kumpulan umur sahaja. Ini dilakukan kerana penulis mendapati kebanyakan umur yang diberikan oleh mereka dalam kumpulan ini tidak begitu tepat dan kerana itu penulis merasakan tidak wajar untuk dipecahkan kepada beberapa kumpulan. Ini ialah untuk mengelakkan dari memberi peratus dan piramid yang tidak tepat.

PIRAMID PENUDUK KAMPUNG LUBUK KELUBI



JADUAL 4.2

Penduduk Kampung Lubuk Kelubi: Nisbah Umur dan Sex

Umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Nisbah sex (jumlah lelaki per 100 perempuan.)
0 - 4	19	18	37	105.56
5 - 9	21	21	42	100
10 - 14	29	28	57	103.57
15 - 19	32	24	56	133.33
20 - 24	20	15	35	133.33
25 - 29	18	10	28	180
30 - 34	4	8	12	50
35 - 39	6	7	13	85.71
40 - 44	6	7	13	85.71
45 - 49	10	9	19	111.11
50 - 54	5	8	13	62.5
55 - 59	4	6	10	66.67
60 +	19	16	35	118.75
Jumlah	193	177	370	103.85

Penduduk kampung ini boleh digolongkan sebagai penduduk muda (young population). Seramai 36.76 % termasuk dalam kumpulan di bawah 15 tahun. Bagi Labuhan Dagang, Kuala Langat, jumlah kumpulan ini ialah 42.7 % daripada jumlah penduduk. Ini merupakan satu ciri umum negara membangun. Bagi Indocina kumpulan ini ialah lebih dari 40 % (Ng Shui Meng 1974 : 78).

Cara lain untuk menentukan muda atau tidaknya penduduk ialah dengan melihat umur purata (mean age). Umur purata bagi penduduk Lubuk Kelubi ialah 25.25 tahun berbanding dengan 24 tahun bagi Labuhan Dagang. Bagi komuniti Jahai di Rual, Kelantan umur puratanya ialah 22 tahun dan lebih kurang 39 % daripada penduduknya berumur kurang dari 14 tahun (Gomes 1976:18).

Dari piramid penduduk (seperti yang dikembarkan) menunjukkan kumpulan umur antara 10 - 19 lebih ramai daripada kumpulan antara 0 - 9. Keadaan yang hampir sama juga berlaku bagi penduduk di Kuala Kedah seperti yang telah dikaji oleh Tan Keng Sooi. Menurutnya, "Such a consequence might come about as a result of some women practising birth control over the last four ~~of~~ five years." (1976:19). Di Lubuk Kelubi sudah ada yang menerima perancangan lebih awal dari itu.

Dari piramid penduduk juga didapati kumpulan umur dari 30 - 44 amat kurang. Pada pendapat penulis ini adalah kesan daripada penghijrahan keluar. Bagi kumpulan ini yang bekerja di bandar seperti Kuala Lumpur atau Kajang selalunya akan menetap di bandar setelah berumahtangga. Ini berbeza dengan kumpulan yang lebih muda dan masih bujang. Mereka ini lebih suka tinggal bersama keluarga, terutama sekali beliawanis-beliawanis. Ini mungkin atas nasihat ibu-bapa masing-masing. Berhubung dengan penghijrahan ini penulis akan membincangkan dengan lebih lanjut di bawah tajuk penghijrahan.

Komposisi umur tidak dapat dipisahkan dari proses-proses demografi asas seperti fertiliti, mortaliti dan penghijrahan. Sehubungan dengan ini Judah Matras menjelaskan:

"A population's age composition depends first and foremost upon its level of fertility and only secondarily upon its level of mortality. However, migratory movements are of great significance in determining age composition, especially in the case of relatively small or localized populations." (1971:146).

Dari struktur umur ini kita dapat melihat dependency ratio¹ penduduknya. Dependency ratio ialah "the proportion of people in the non-productive age group to that of the productive age group." (Ng Shui Meng 1974:79). Bagi Kampung Lubuk Kelubi dependency ratio ialah 73 per 100 berbanding dengan Labuhan Dagang, 100.57 per 100. Bagi negara maju selalunya di antara 55 - 60 per 100 menekala Tenggara Asia, 85 per 100 dan Malaysia (bagi tahun 1970) ialah 89 per 100 (lihat Ng Shui Meng 1974:79). Dependency ratio menjelaskan kepada kita kadar penduduk yang tergolong ke dalam umur yang diandaikan tak bekerja bagi tiap-tiap 100 orang.

1. Dependency ratio dikira seperti berikut:

$$\frac{\text{jumlah penduduk dalam kumpulan umur non-productive}}{\text{jumlah penduduk dalam kumpulan umur productive}} \times 100$$

dasar ukuran umur: di bawah 15 tahun dan 60 tahun ke atas dimasukkan dalam kumpulan non-productive, dan di antara 15 - 60 tahun ke dalam kumpulan productive.

(Seperti yang digunakan oleh Ng Shui Meng 1974).

Dependency ratio ini akan menjadi lebih penting dalam menganalisa masyarakat perusahaan kerana adanya umur bersara yang tetap. Bagi masyarakat pertanian umur bersara tidak ada dan dependency ratio hanya memberikan gambaran secara kasar sahaja. Dalam masyarakat pertanian kanak-kanak di bawah umur 15 tahun juga terlibat dalam pekerjaan seperti bersawah. Keluarga bagi masyarakat ini merupakan juga satu unit pengeluaran. Undang-undang untuk melarang penggunaan tenaga kerja bawah umur samasekali tidak dapat dikenakan kepada masyarakat ini.

Dengan berkurangnya penduduk yang berumur antara 0 - 9 seperti yang ditunjukkan oleh piramid penduduk, ini bermakna juga berkurangnya the burden of dependency kalau kadar kelahiran terus berkurang dengan syarat kadar kematian bagi penduduk aktif (15 - 60 tahun) berkurang. Ini merupakan satu kemungkinan bagi negara membangun kerana adanya perkhidmatan yang semakin baik. Dengan perkhidmatan yang semakin baik di negara membangun ini juga akan diikuti oleh pertambahan kadar orang tua dalam masyarakat. Bagaimanapun, pada pendapat penulis, masalah orang tua (the problem of aging) tidak akan timbul sebagai satu masalah sosial seperti di Barat kerana agama dan adat memberi nilai yang tinggi kepada orang tua. Menurut Petersen;

"In a dynamic society, the age play fewer useful roles. The family ties of young Americans are to their children more than to their parents; and the more extended kin, who have an important place in traditional rural cultures, in an urban society are often less meaningful than friends." (Worsley, edit, 1972:77).

Di kampung seperti Lubuk Kelubi ini adalah menjadi perkara biasa bagi orang-orang tua tinggal bersama anak-anak mereka yang sudah berumahtangga.

Bagi melihat imbangan antara penduduk perempuan dan lelaki ialah dengan cara mengira nisbah sex penduduknya. Formula bagi nisbah sex ialah:

$$\frac{\text{jumlah lelaki} \times 100}{\text{jumlah perempuan}}$$

Bagi Lubuk Kelubi nisbah sexnya ialah 103.85 berbanding dengan jumlah bagi Labuhan Dagang, 112.88. Nisbah bagi Lubuk Kelubi ini adalah lebih seimbang dan bagi Labuhan Dagang bilangan lelaki lebih ramai.¹ Walaupun nisbah sex bagi penduduk Lubuk Kelubi seimbang pada umumnya tetapi ada juga bagi kumpulan umur tertentu yang tidak imbang. Bagaimanapun bagi bilangan penduduk yang kecil adalah tidak wajar untuk melihat nisbah kumpulan demi kumpulan kerana jumlah sebenarnya terlalu kecil dan bila ini ditukarkan kepada nisbah ketidakseimbangan itu mungkin memerlukan penjelasan. Contohnya bagi kumpulan umur 30 - 34 tahun jumlah sebenar ialah 4 lelaki dan 8 perempuan dan ini menjadikan nisbahnya 50. Bagi kumpulan yang melibatkan beribu-ribu orang nisbah ini jelas merupakan satu kepincangan, tetapi bagi jumlah penduduk yang kecil, ada dua atau tiga orang saja yang berhijrah atau mati, sudah tentu membawa perubahan yang besar kepada nisbah.

4.2 Fertiliti

Fertiliti ditakrifkan sebagai "an actual level of performance ia a population based on the numbers of live births that occur." (Barclay 1958 : 167). Ini berbeza dengan istilah yang sering juga digunakan oleh ahli demografi iaitu fecundity. Menurut Swedlund dan Armelagos, " Fecundity

1. Nisbah sex yang lebih daripada 100 bermakna lelaki lebih ramai dari perempuan.

denotes the physiological potential for bearing offspring." (1976:9).

Penulis akan menyentuh fertiliti sahaja dan tidak fecundity.

Nag (1962:15) telah mengemukakan berbagai cara untuk mengukur fertiliti bagi masyarakat simple. Tiga daripadanya telah digunakan oleh Fix (1971) dalam rangka melihat fertiliti penduduk bagi komuniti Semai di Kawasan Satak. Gomes (1976) pun telah menggunakan kaedah yang sama dalam kajiannya ke atas komuniti Jahai di Rual, Kelantan. Untuk memudahkan perbandingan, penulis akan menggunakan kaedah yang sama seperti yang telah digunakan oleh Gomes.

Cara pertama ialah dengan melihat purata kelahiran bagi tiap-tiap seorang yang berumur lebih dari 40 tahun. Ini dipanggil total maternity ratio. Bagi Lubuk Kelubi purata kelahirannya ialah 5.08 berbanding dengan 4.16 bagi Jahai di Sungai Rual, dan bagi penduduk Semai di Kawasan Satak yang dikaji oleh Fix ialah 5.35. Menurut Fix (1971:54);

"This is not a unique observation for at this technological level, the ratio for the Xevante is almost identical (5.1) and the Yenomama are even lower (3.8)."

Cara kedua ialah dengan mengira nisbah kanak-kanak-perempuan (child-woman ratio). Ini dikira dengan jumlah kanak-kanak berumur 0 - 4 tahun per 1000 perempuan berumur 15 - 49 tahun. Bagi Lubuk Lelubi nisbah yang didapati ialah 462.5 berbanding dengan Sungai Rual 520 dan 1,153 bagi Kuala Kedah (Tan Keng Sooi 1976:19). Diantara kelemahan kaedah ini menurut Thomson dan Lewis (1965:241):

"... it takes no account of the children dying before they reach the age of five years (0 - 4), any differences in the death rates of children in the different population group at a given census data would affect the accuracy of comparisons between the fertility of these groups. Also, comparisons of the ratios of similar groups at different censuses would tend to underestimate the decline in fertility if there had been a decline in the death rate of children during the interval,".

Dengan menggunakan dua cara mengira fertiliti seperti di atas jelas menunjukkan kepada kita bahawa fertiliti bagi Kampung Lubuk Kelubi ini adalah rendah. Ini bertentangan dengan pendapat kebanyakan ahli demografi. Freedman mengatakan, "It is commonplace observation that fertility is high in the so-called underdeveloped societies." (Heer, edit, 1968:157). Dari piramid penduduk (halaman 28) menunjukkan kumpulan umur antara 0 - 9 tahun kurang daripada kumpulan berumur 10 - 19 tahun. Secara kasarnya ini menjelaskan kepada kita kadar fertiliti yang menurun. Hal yang sama juga berlaku di Kuala Kedah di mana kanak-kanak di bawah umur 5 tahun kurang dari pada jumlah yang berumur 5 - 9 tahun (Tan Keng Sooi 1976:19).

4.3 Faktor-faktor yang memberi kesan terhadap fertiliti bagi penduduk Kampung Lubuk Kelubi

Faktor-faktor yang memberi kesan terhadap fertiliti dapat dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

1. Faktor biologikal seperti keadaan kesihatan secara umum, penyakit, kemandulan, penyakit venereal, diet, jarak masa subur (fertile), dan lain-lain.

2. Faktor-faktor sosial tak langsung - ini melibatkan faktor adat resam seperti umur masa kahwin, kejadian perpisahan dan perceraian, poligami dan lain-lain.
3. Faktor-faktor sosial yang langsung seperti meninggalkan sex secara sukarela, ubat penjarang, pengguguran dan lain-lain. (lihat juga Harrison & Boyce 1972:73).

Penulis tidak dapat membincangkan ketiga-tiga faktor ini dengan terperinci kerana kesukaran untuk mendapatkan maklumat dari responden. Kesukaran-kesukaran ini timbul kerana kebanyakan dari faktor-faktor ini mempunyai kaitan langsung dengan perlakuan sex yang tidak dibincangkan dengan cara terbuka oleh orang-orang kampung. Dengan itu analisa penulis juga jadi amat terbatas. Tidak ada data yang kualitatif berhubung dengan amalan perancangan keluarga dan penggunaan ubat penjarang secara tradisional yang dapat diberikan oleh penulis.

4.31 Faktor-faktor biologikal

a) Keadaan kesihatan secara umum:

Pada umumnya bolehlah dikatakan persekitaran kampung ini agak baik. Tidak ada punca pendemaran udara yang didapati di sini. Pencemaran air juga tidak ada. Kajian Saudara Majid membuktikan bahawa paras pHnya masih diperingkat neutral iaitu 6.0. Bagi bekalan air penduduk di sini menggunakan sungai dan ada juga sebahagian kecil dari mereka yang menggunakan air paip. Penggunaan air paip ini tidak menyeluruh kerana menurut mereka tekanan air tidak kuat dan menyebabkan ada rumah yang telah dipasang paipnya

tetapi tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya. Sungai yang digunakan ialah Sungai Langat dan dua anak sungainya, Sungai Perdik dan Sungai Congkak. Kesemua sungai-sungai ini bersih airnya kecuali air Sungai Langat mula berlumpur kerana kerja-kerja pembinaan empangan di Pansoon. Bagaimanapun penduduk di sini tidak menggunakan air Sungai Langat untuk diminum tetapi untuk membasuh dan mandi sahaja. Untuk air minum mereka menggunakan Sungai Perdik dan Sungai Congkak. Ada juga mereka yang tak dapat bekalan air paip di rumah mengambil air dari paip di masjid.

Dari sebab-sebab kematian yang telah diberikan oleh responden, penulis mendapati tidak ada penyakit-penyakit seperti malaria atau denggi. Ini menjelaskan kepada kita bahawa kampung ini terlepas dari penyakit-penyakit itu. Penyakit-penyakit yang biasa dihidapi ialah demam panas. Penulis, bagaimanapun, tidak dapat memberikan penjelasan lanjut mengenai penyakit yang sering dihidapi di sini kerana penulis hanya bergantung kepada jenis-jenis penyakit yang menyebabkan kematian sahaja. Mereka juga tidak mempunyai pengetahuan yang jelas berhubung dengan jenis-jenis penyakit.

Penulis juga mendapati tidak ada penyakit yang memberi kesan langsung kepada fertiliti seperti V. D. dan sebagainya. Penyakit ini biasanya berlakuosa di kalangan masyarakat bebas seperti di Barat. Berhubung dengan jenis penyakit lain adalah susah untuk dibuktikan samada ianya mempunyai kesan langsung atau tidak kepada fertiliti penduduk.

Kemudahan kesihatan yang ada bagi kampung ini ialah sebuah klinik bidan yang letaknya di Kampung Padang. Pusat kesihatan yang paling hampir ialah di Batu 14. Hospital yang paling hampir pula ialah di Kajang iaitu kira-kira 17 batu dari kampung ini.

b) Diet:

Saudari Zuraidah, seorang anggota kumpulan kajian, telah mengambil dua buah rumah sebagai sampel bagi kampung ini untuk kajian nutrient flow nya . Menurutnya, dari dua sampel yang dikaji dia mendapati kurang pengambilan protein. Bagaimanapun mereka mengambil cukup zat kanji kerana beras merupakan sumber makanan yang utama. Ini wajar kerana mereka memerlukan tenaga untuk bekerja di sawah atau menjadi buruh kasar. Untuk mendapatkan bahan-bahan makanan tidak susah kerana sistem jalanraya adalah baik.

c) Kemandulan:

Dari wanci penduduk yang dijalankan oleh penulis tidak ada perempuan yang mandul. Bagaimanapun ada diantara mereka yang hanya melahirkan dua atau tiga orang anak sahaja sepanjang hidup mereka. Penulis mendapati hanya dua orang sahaja perempuan (sekarang sudah berumur lebih dari 60 tahun) yang termasuk ke dalam kategori ini. Jadi dengan ini dapat dikatakan kemandulan tidak memberi kesan yang besar kepada fertiliti bagi penduduk kampung ini pada keseluruhannya.

4.32 Faktor-faktor sosial secara tak langsung

a) Umur bagi perkahwinan pertama:

Umur perkahwinan pertama mempunyai hubungan yang rapat dengan kadar fertiliti bagi satu-satu penduduk. Masyarakat yang menggalakkan perkahwinan di waktu umur belasan tahun akan mengalami kadar fertiliti yang lebih tinggi dari masyarakat yang tidak menggalakkannya. Bagaimanapun andaian ini tidak terpakai kepada masyarakat yang bebas (permissive society)

di mana terdapat banyak kelahiran di luar perkahwinan.

Penangguhan umur perkahwinan ini berhubung rapat dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat, misalnya kemudahan untuk mendapatkan pendidikan formal sehingga peringkat menengah. Sebelum kemerdekaan dicapai dulu adalah satu perkara biasa bagi orang-orang kampung untuk mengahwinkan anak-anak mereka ketika berumur belasan tahun lagi. Sekarang ini sudah ada perubahan kerana di peringkat umur ini anak-anak mereka masih menuntut di sekolah. Bagi Kampung Lubuk Kelubi kecenderungan untuk menangguhkan umur bagi perkahwinan ini jelas. Dari jumlah 24 orang perempuan yang berumur di antara 15 - 19 tahun hanya seorang sahaja yang telah berkahwin (4.5 %) dan dari jumlah 25 orang perempuan dalam lingkungan 20 - 29 tahun hanya 10 orang (40 %) yang telah berkahwin. Dari sejarah perkahwinan bagi responden dalam lingkungan umur yang lebih tua, kebanyakan perkahwinan mereka berlangsung ketika masih lagi berumur belasan tahun. Ini juga satu kebiasaan yang berlaku di lain-lain negara Dunia Ketiga. Cho, Palmore dan Saunders membuat anggaran:

"... that between 28 and 21 per cent of the fertility decline between 1957 and 1961 and between 28 and 21 per cent of the decline from 1957 to 1962 - 1966 were due to changes in the proportions of women married." (1976:22).

b) Kejadian perpisahan, perceraian dan poligami:

Ketiga-tiga sebab ini pada pendapat penulis tidak banyak memberikan kesan terhadap pengurangan fertiliti kerana tidak ramai daripada penduduk kampung ini yang terlibat. Hanya dua orang sahaja suami yang tinggal di luar daripada kampung ini dan hanya seorang sahaja yang berkahwin dua

(isteri keduanya tinggal di luar daripada kampung ini). Sepanjang yang penulis dapati dari sejarah perkahwinan responden, perkahwinan bagi penduduk di kampung ini boleh dikatakan berkekalan. Bagaimanapun terdapat juga kes-kes perceraian bagi beberapa orang terutama sekali di kalangan mereka yang berusia lebih dari 50 tahun. Kebanyakan mereka ini pernah bercerai masa muda-muda dulu. Seorang responden di sini menyimpulkan bahawa sebab bercerai yang paling jelas ialah tidak ada persefahaman diantara suami dan isteri akibat dari umur yang terlalu muda misalnya 16 tahun bagi perempuan dan lebih kurang 20 tahun bagi lelaki. Perkahwinan-perkahwinan ini adalah perkahwinan yang diatur oleh ibu-bapa masing-masing. Sekarang hal ini berubah di mana ibu-bapa tidak lagi memainkan peranan penting dalam memilih jodoh anak-anak mereka.

c) Perhubungan sex :

Berhubung dengan perkara ini penulis akan membincangkannya dengan mengemukakan beberapa konsep yang berhubungan yang ada dalam Islam. Pertama-tujuhnya Islam mengharamkan melakukan perhubungan sex semasa perempuan kedatangan haidh. Kedua, Islam mengharamkan melakukan perhubungan sex selepas bersalin selama 44 hari dan Islam juga tidak membenarkan melakukan perhubungan sex di siang hari pada bulan puasa. Selain dari itu ada juga konsep malam sunat seperti malam Jumaat, di mana digalakkan diadakan perhubungan sex (sekurang-kurangnya, demikianlah tanggapan mereka dalam perbualan secara informal dengan penulis). Sejauh mana segala perkara ini diikuti tidak dapat dipastikan. Perhubungan sex ini mempunyai kaitan yang rapat dengan fertiliti tetapi ahli demografi sendiri tidak dapat menentukan dengan jelas kesannya kerana segala pantang larang yang disebutkan itu hanya

untuk beberapa waktu yang tidak sampai setahun.

e) Pembujangan (celibacy) :

Linton menekankan, "practically all societies consider married life the most normal and desirable type of existence for adults." (seperti yang dipetik oleh Matras 1973:263). Ahli sosiologi dan antropologi ber-setuju bahawa perkahwinan itu adalah satu institusi yang universal untuk mengekalkan struktur kekeluargaan (yang menjadi asas kepada organisasi sosial dalam kebanyakan masyarakat). Dalam masyarakat Melayu di Lubuk Kelubi ini, perkahwinan memang digalakkan kepada mereka yang sudah layak dan mampu untuk berkahwin. Ibu-bapa selalunya akan mendesak anak-anak mereka yang sudah mempunyai pekerjaan yang tetap supaya berkahwin. Dari segi ugama juga perkahwinan digalakkan dan diantara sebab-sebab yang diberikan ialah untuk mengelakkan dari fitnah. Bagi penduduk Lubuk Kelubi ini penulis mendapati tidak ada yang membujang sampai tua. Tidak ujud institutionalization of celibacy seperti yang terdapat di kalangan orang Katholik iaitu golongan padri mereka yang tidak dibenarkan berkahwin.

4.33 Faktor-faktor sosial secara langsung

a) Cara-cara mencegah penghamilan :

Ubat penjarang beranak secara tradisional memang telah lama ujud di kalangan masyarakat Melayu. Ubat-ubat ini banyak menggunakan akar-akar kayu yang mudah didapati di kampung-kampung. Bagaimanapun penggunaan ubat penjarang tradisional ini sudah berkurangan sekarang. Selalunya yang menjadi pakar dalam perubatan secara tradisional ini ialah bidan kampung atau pun dukun. Di kampung ini sudah tidak ada lagi bidan

kampung dan dukun yang ada pun sudah tua dan uzur. Dari pemerhatian penulis ~~dan~~ respons penduduk kampung ini kepada perubatan tradisional sudah berkurangan.

Dari banci penduduk bagi kampung ini menunjukkan bilangan umur dalam kumpulan 0 - 9 kurang dari kumpulan umur 10 - 14 tahun. Ini menunjukkan turunnya kadar fertiliti bagi penduduk kampung ini. Berkurangnya kadar kelahiran bagi kumpulan umur ini adalah selaras dengan masa kerajaan membuat kempen rancang keluarga. Jadi, pada anggapan penulis turunnya kadar kelahiran ini mempunyai ~~kaitan~~ langsung dengan perancangan keluarga yang dijalankan oleh kerajaan khususnya oleh Lembaga Perancang Keluarga. Kemudahan untuk mendapatkan nasihat disediakan dengan pembinaan sebuah klinik bidan berhampiran dengan kampung ini.

Dari perbualan dengan beberapa orang responden, penulis mendapat kesan bahawa penerimaannya terhad kepada ibu-ibu muda sahaja kerana kepada orang-orang tua amalan ini dianggap bertentangan dengan ajaran ugama.

Sikap terhadap saiz keluarga tidak begitu jelas. Pada umumnya mereka berkeyakinan yang jumlah anak yang didapati oleh seseorang itu adalah anugerah Tuhan. Kalaupun ada langkah-langkah untuk menjarangkan beranak yang dipraktiskan itu hanyalah satu ikhtiar. Ibu-bapa sering membayangkan bahawa anak-anak mereka yang akan memelihara mereka ketika tua nanti. Bagaimanapun, dengan adanya penerimaan yang menggalakkan dari ibu-ibu muda terhadap perancangan keluarga, ini menunjukkan juga penerimaan kepada konsep keluarga berencana.

4.4 Mortaliti

Mortaliti adalah satu proses demografi yang penting. Ia mempunyai kaitan langsung dengan saiz penduduk dan komposisinya. Ia juga memberi gambaran keadaan perkhidmatan kesihatan satu-satu kawasan. Mortaliti juga penting dalam membuat anggaran pertambahan penduduk. Kajian mortaliti penting kepada pihak perancang pembangunan negara. Diantara masalah yang dilihat ialah berhubung dengan perkhidmatan kesihatan. Persoalan-persoalan yang ditimbulkan ialah " (a) the availability, (b) the costs, and (c) the equality of access to medical and health services." (Matras 1973:232). Ketiga-tiga persoalan ini sebenarnya bukanlah dihadapi oleh negara membangun seperti Malaysia sahaja tetapi juga oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat.

c Di kampung ini masih belum ada pusat kesihatan. Hospital yang paling dekat ialah di Kajang iaitu kira-kira 17 batu dari kampung ini. Nisbah doktor yang berdaftar dengan penduduk jauh lebih di bandar dari di desa. Sepanjang penulis tinggal di kampung ini penulis mendapat kesan bahawa pada umumnya penduduk di sini tidak menolak perubatan moden tetapi ketigatiga masalah yang telah disebutkan di atas telah melemahkan semangat mereka untuk mendapatkan rawatan di hospital. Sebagai contohnya, seorang respondee di kampung ini telah meninggal sebaik sahaja penulis menamatkan kajian. Orang tua ini telah lama mengidap penyakit batuk dan demam tetapi setelah beberapa kali pergi ke hospital dengan harapan dapat tinggal di wad tetapi dia hanya mendapat rawatan sebagai pesakit luar kerana dikatakan tidak ada tempat kosong di hospital untuk menempatkannya. Di sini jelas bahawa masalah sikap yang dikatakan menolak perubatan moden tidak timbul.

Penganalisaan mortaliti lebih sukar dilakukan daripada fertiliti kerana selalunya maklumat tentang kematian lebih sukar untuk didapati daripada maklumat yang berhubung dengan fertiliti. Ini diakui sendiri oleh Brass (1975). Kesukaran ini ialah kerana ia memerlukan catatan kematian yang lengkap bagi satu-satu jumlah penduduk. Dalam catatan ini umur seseorang ketika dia meninggal dan juga ~~tahun~~ dia meninggal adalah penting. Penulis tidak dapat membuat analisa mengenai mortaliti ini secara lengkap kerana tidak berjaya mendapatkan maklumat yang lengkap mengenai kematian.

Seperti yang telah ditetapkan data-data yang berhubung dengan mortaliti sepertutnya didapati dari set soal-selidik kedua. Oleh sebab penduduk kampung ini agak ramai dan penulis hanya sempat mengambil 62 orang sampel dari 31 pasangan suami-isteri. Dengan itu soal-selidik ini hanya dapat digunakan untuk penghijrahan. Beberapa kaedah penting untuk mengukur kadar kematian memerlukan data dari semua rumah tangga (household). Kaedah penting yang tak dapat digunakan itu ialah crude death rate dan age-specific death rate.

Dengan masalah yang telah disebutkan itu penulis hanya dapat menggunakan teknik Brass (1975:140). Teknik ini adalah untuk mendapatkan kadar mati (proportion dead) anak-anak dalam setiap kategori umur ibu yang berlainan (yang berumur dari 15 hingga 49 tahun). Penulis mendapati bahawa kadar mati bagi anak-anak di kampung ini adalah kurang dari apa yang didapati oleh Brass (1975) di negara Brazil yang berasaskan kepada banci tahun 1950. Ini mungkin bukan satu perbandingan yang wajar kerana jarak masanya berbeza. Kalau dibandingkan dengan kadar di Labuhan Dagang seperti yang dikaji oleh Saudara Anwar adalah lebih kurang sama. (Lihat halaman 45 untuk jadual kadar mati ~~anak~~-anak bagi Lubuk Kelubi).

KADAR MATI ANAK-ANAK DALAM
SETIAP KATEGORI UMUR IBU YANG BERLAINAN

Kategori umur ibu	Jumlah ibu	Anak-anak yang lahir hidup	Anak-anak yang masih hidup	Anak-anak yang lahir bagi setiap ibu (X)	Anak-anak yang masih hidup bagi setiap ibu (Y)	Kadar mati ($1 - \frac{X}{Y}$)
15 - 19	1	1	1	1	1	0
20 - 24	5	12	12	2.4	2.4	0
25 - 29	7	18	17	2.57	2.43	0.05
30 - 34	8	63	53	7.88	6.63	0.159
35 - 39	7	50	44	7.14	6.29	0.119
40 - 44	8	60	51	7.5	6.38	0.149
44 - 49	8	45	42	5.63	5.25	0.067

Dari sebab-sebab kematian yang diberikan oleh responden penulis mendapati tidak ada apa-apa wabah penyakit yang telah berlaku di Kampung Lubuk Kelubi.

4.5 Penghijrahan

Penghijrahan terbahagi kepada dua jenis. Pertama, penghijrahan antara-negara dan kedua penghijrahan dalam negara. Penghijrahan dalam negara dapat dipecahkan kepada dua - penghijrahan keluar dan penghijrahan kedalam. Di samping itu terdapat juga penghijrahan harian iaitu bagi mereka yang tinggal dalam sebuah kampung tetapi bekerja di luar dari kampung itu. Kesemua jenis penghijrahan ini terdapat di Lubuk Kelubi. Penghijrahan antara-negara iaitu dari Sumatera ke Semenanjung berlakj sehala sahaja dan prosesnya sudah terhenti sekarang.

Penghijrahan keluar (dalam negeri atau ke luar negeri) yang berlaku dalam masyarakat Minangkabau di Sunatera, seperti yang telah dijelaskan dalam bab dua, adalah berpunca dari adat merantau yang ada di kalangan mereka. Lelaki Minang tidak diberi tempat dalam keluarga. Penghijrahan ke Semenanjung adalah juga berpunca dari tarikan lombong bijih yang berkembang pesat pada masa itu. Penghijrahan orang-orang Minang ini banyak berlaku pada penghujung abad ke 19 dan awal abad ke 20. Bila sampai di Semenanjung ada di antara mereka yang membuka tanah-tanah baru dan membuat perkampungan baru. Mereka ini kemudiannya ada pula yang berpindah ke lain tempat. Bagi Kampung Lubuk Kelubi kumpulan yang mula-mula datang ialah mereka yang dilahirkan di Sumatera, kemudian dibawa ke Semenanjung oleh ibu-bapa mereka ke Batu 14, Ulu Langat iaitu kira-kira empat batu sebelum kota "Kota Lubuk Kelubi". Persekitar-

tiba ke kampung ini. Mereka ini kemudianya disusuli oleh orang-orang keturunan Minang yang telah menetap di lain-lain tempat di Semenanjung seperti Gombak, Beranang dan Sungai Lui di Selangor dan Lenggeng di Negeri Sembilan. Tidak ada peringkat masa tertentu bagi penghijrahan ini. Berhubung dengan sifat merantau orang-orang Minang ini Mochtar Naim menjelaskan:

" They are found throughout Indonesia, from Atjeh to West Irian, and even Malaysia, Singapore, and perhaps individually throughout the world." (1972:4)

Penghijrahan yang paling akhir dari Sumatera ke kampung ini ialah pada tahun 1972. Keluarga baru berhijrah ini datang mengikut bapa si suami yang satu masa dulu sudah pernah tinggal di kampung ini. Dia adalah salah seorang yang mula-mula membuka kampung ini dan mempunyai tanah yang agak luas di sini. Setelah beberapa lama tinggal di kampung ini dulu dia kembali ke Sumatera dan menetap di sana. Pada tahun 1972 yang lalu dia berhijrah sekali lagi ke Lubuk Kelubi bersama-sama dengan anak dan menantunya. Ini merupakan satu perkara biasa diperingkat awal kampung ini dibuka di mana ramai di antara mereka yang kembali ke Sumatera dan membawa datang saudara mereka ke sini. Bagaimanapun penghijrahan masuk dari Sumatera ini sudah terhenti sekarang kerana mereka menghadapi kesulitan untuk mendapatkan sijil kerakyatan.

Penghijrahan masuk dari lain-lain tempat di Semenanjung ke kampung ini juga tidak ada. Penulis mendapati penghijrahan masuk diperingkat awal ini mempunyai kaitan yang rapat dengan pembukaan tanah dan mereka ini pada keseluruhannya adalah petani. Oleh kerana tanah sudah dimiliki dengan secara tetap maka penghijrahan atas sebab ini terhenti. Selain

dari kerana tanah penghijrahan juga berlaku kerana perkahwinan. Berhubung dengan perkahwinan ini penulis mendapati ada di antara mereka yang berkahwin dengan orang luar dari kampung. Mereka ini adalah golongan muda yang berumur dua puluhan dan tiga puluhan. Golongan ini kebanyakannya bekerja di luar kampung seperti di Kuala Lumpur atau Kajang. Apabila berkahwin mereka selalunya menetap di bandar. Mereka ini akan pulang ke kampung sekali sekala iaitu bila ada khenduri dan sebagainya. Bagi yang perempuan pula mereka lebih suka bersalin di kampung.

Tiga pola penghijrahan peringkat awal adalah seperti berikut:

1. SUMATERA → LAIN-LAIN TEMPAT DI SEMENANJUNG → LUBUK KELUBI
2. LAIN-LAIN TEMPAT DI SEMENANJUNG → LUBUK KELUBI
3. SUMATERA → LUBUK KELUBI

Untuk melihat dengan lebih jelas lagi pola penghijrahan di atas di bawah ini ialah jadual tempat lahir bagi 62 orang responden (32 pasang suami-isteri) :

JADUAL 4.4

TEMPAT KELAHIRAN RESPONDEN

Tempat Kelahiran	Lelaki	Perempuan	Jumlah	%
Sumatera	11	10	21	33.8
Lain-lain tempat di Semenanjung	10	14	24	38.9
Lubuk Kelubi	10	7	17	27.3
Jumlah	31	31	62	100

Bagi yang lahir di Sumatera ini, 6 orang (1 perempuan dan 5 lelaki) telah terlebih dahulu tinggal di tempat lain sebelum berhijrah ke sini, dan 15 orang (9 perempuan dan 6 lelaki) datang terus dari Sumatera ke kampung ini. Bagi mereka yang lahir di tempat lain kebanyakannya adalah juga orang Minang. Penulis mendapati tidak ada seorang pun penduduk di sini berketurunan Melayu Semenanjung.

Aliran penghijrahan yang berlaku sekarang ialah penghijrahan desa-kota (rural-urban migration) kerana majoriti daripada mereka yang berhijrah menetap di bandar. Penghijrahan desa-kota ini mempunyai hubungan yang rapat dengan perubahan pola penggunaan tenaga manusia (utilization of manpower) seperti yang digambarkan dalam bab dua. Penghijrahan ini juga dapat dilihat sebagai satu proses agrarian-industrial transition kerana perubahan pekerjaan dari sektor pertanian kepada sektor perindustrian di bandar. Walaupun ini merupakan satu pola atau aliran penghijrahan yang biasa terdapat di kampung-kampung sekarang tetapi kesannya agak jelas bagi kampung ini kerana jaraknya yang agak dekat dengan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Kedua-dua bandar ini merupakan pusat perkembangan industri yang paling pesat di negara ini. Perkembangan industri di pusat-pusat bandar ini menarik minat belia-belia untuk berhijrah untuk mendapatkan pekerjaan.

Selain dari bekerja di kilang-kilang terdapat juga belia-belia yang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan. Di sini jelas sekali bahawa pendapaian mereka dibidang pelajaran juga merupakan salah satu sebab penghijrahan belia ke bandar atau ke lain-lain tempat untuk berkhidmat dengan kerajaan atau swasta.

Untuk melihat dengan jelas penghijrahan golongan belia untuk menetap di tempat-tempat lain kerana pekerjaan atau pun perkahwinan berikut adalah jadual bagi menunjukkan bilangan belia dan kumpulan umur yang terlibat. Belia-belia dalam jadual ini adalah anak-anak kepada 31 pasangan suami-isteri yang menjadi sampel kajian ini.

JADUAL 4.5

BILANGAN YANG BERHIJRAH KE LUAR

Kumpulan Umur	Lelaki	%	Perempuan	%
1. 15 - 20	4	19.05	3	20.00
2. 21 - 25	8	38.10	7	46.66
3. 26 - 30	4	19.05	3	20.00
4. 31 - 35	2	9.52	1	6.67
5. 36 - 40	1	4.76	1	6.67
6. 41 - 45	2	9.52	-	-
Jumlah	21	100	15	100

Dari jadual di atas dapat dilihat kecenderungan untuk berhijrah semakin bertambah. Kumpulan umur 21 - 25 tahun adalah yang paling ramai tinggal di tempat lain. Jumlah penghijrahan bagi belia dalam kumpulan umur 15 - 20 tahun adalah sama dengan kumpulan berumur 26 - 30 tahun. Kumpulan di bawah 20 tahun ini semuanya tinggal di Kuala Lumpur dan bekerja di kilang-kilang. Pekerjaan golongan yang berpindah ini berbagai-bagai. Ada di antara mereka yang menjadi guru, kerani, polis dan buruh kasar.

Selain dari itu penghijrahan ke luar ini dapat juga dilihat dari jumlah rumah yang telah dikosongkan. Di Lubuk Kelubi dari 82 jumlah rumah 10 buah daripadanya telah kosong. Kebanyakan keluarga yang terlibat dalam penghijrahan ini berhijrah ke pusat-pusat bandar kerana pekerjaan masing-masing. Ada juga di antara mereka yang mengikut anak masing-masing yang telah bekerja di bandar. Ada juga di antara keluarga ini yang selalu pulang ke kampung di hujung minggu. Seorang daripadanya telah lama tinggal di bandar dan telah pun mempunyai rumah sendiri tetapi telah membina sebuah rumah di kampung ini dan bercadang untuk pulang ke kampung bila berhenti kerja.

Dari jadual pekerjaan yang diberikan dalam bab dua juga menjelaskan kepada kita bahawa sektor pertanian seperti sawah dan getah tidak dapat lagi menyerapkan tenaga buruh baru. Mereka yang terlibat dalam sektor ini kebanyakannya terdiri dari mereka yang telah lebih dari 30 tahun. Selain dari itu pemilikan ke atas tanah juga tidak berubah. Peluang kepada golongan baru untuk memiliki tanah boleh dikatakan tipis. Ini ditambah pula oleh faktor tarikan dari bandar, penghijrahan belia-belia ke bandar ini semakin bertambah. Dari pergaulan penulis dengan belia-belia yang masih menganggur di kampung ini, penulis mendapat kesan bahawa mereka lebih suka untuk berhijrah ke bandar. Faktor-faktor tarikan dan tolakan ini mempunyai peranan yang besar dalam proses penghijrahan desa-kota ini. Selain dari sektor pertanian dalam kampung yang tidak berkembang, rancangan tanah kerajaan juga terhad. Di kampung ini hanya seorang sahaja yang telah menyertai rancangan tanah kerajaan. Tarikan ke bandar seperti Kuala Lumpur adalah penting dalam menghuraikan penghijrahan ini. Selain dari

peluang pekerjaan yang terdapat di bandar mereka juga tertarik dengan gaya hidup bandar. Tarikan gaya hidup ini dicerminkan oleh sebaran am seperti akhbar, radio dan juga televisyen. Bagi belia-belia di Kampung Lubuk Kelubi ini mereka perluang untuk melihat sendiri gaya hidup di Kuala Lumpur. Kebanyakan dari mereka ini tinggal di kawasan stinggan seperti Pantai Dalam dan Kampung Kerinci. Ada di antara belia-belia yang berhijrah ini tidak mempunyai kerja tetap dan mereka ini akan pulang ke kampung bila sahaja tempoh kerja mereka di satu-satu tempat tamat. Kebiasaan untuk kembali ke kampung ini selalunya berlaku kepada mereka yang masih bujang. Berhubung dengan penghijrahan ini ahli-ahli demografi telah membuat kajian di beberapa negara dalam beberapa masa yang berlain, telah membuktikan yang "persons in young adult ages 20 - 34 are more prone to migrate than other age groups." (Jansen 1970:14)

Dari faktor-faktor yang dikemukakan di atas menunjukkan bahawa penghijrahan sehala desa-kota yang sedang berlaku sekarang tidak lagi dapat dijelaskan oleh adat merantau yang ada dalam masyarakat Minangkabau tradisional. Dalam memilih tempat tinggal pun mereka tidak lagi memilih tempat yang didiami oleh orang Minang sahaja. Jelasnya sifat clannish atau suka berpuak-puak ini sudah berubah.

Berhubung dengan penghijrahan ini terdapat perbezaan yang jelas diantara Kampung Lubuk Kelubi dan Kampung Labuhan Dagang. Di Labuhan Dagang penghijrahan ke luar tidak banyak berlaku seperti Kampung Lubuk Kelubi. Faktor yang paling penting untuk menjelaskan keadaan ini ialah kenyataan bahawa sektor pertanian bagi Kampung Labuhan Dagang lebih maju dan berkembang dan dengan itu dapat menyerapkan lebih ramai belia-belia. Jenis tanaman penting ialah kopra dan kelapa sawit. Kedua-dua jenis tanaman

ini juga lebih banyak mendatangkan hasil dari getah dan padi. Getah dan padi tidak memerlukan tenaga buruh yang ramai berbanding dengan kelapa sawit dan kopi. Getah dan **padi** selalunya melibatkan ahli keluarga sahaja. Di Labuhan Dagang pula ada rancangan tanah baru yang berhampiran dengan kampung itu. Dengan adanya rancangan tanah ini belia-belia boleh diserapkan ke rancangan tersebut dan mereka masih tinggal di kampung itu lagi. Pada umumnya dapat dikatakan keadaan ekonomi bagi Labuhan Dagang lebih baik daripada di Lubuk Kelubi. Dengan itu dapat dibuat kesimpulan bahawa faktor tolakan yang ada di Labuhan Dagang tidak sekuat seperti di Kampung Lubuk Kelubi.

BAB V

PENUTUP

Telah dijelaskan dalam bab satu bahawa kajian demografi yang dijalankan oleh penulis ini adalah sebahagian daripada kajian alamsekitar. Saiz penduduk dan seterusnya pertumbuhannya mempunyai kaitan langsung dengan unsur-unsur persekitaran fizikal dan sosial. Persekutaran fizikal banyak disentuh dalam bab tiga dan persekitaran sosial dalam bab dua. Yang dikatakan persekitaran sosial itu termasuklah organisasi-organisasi sosial yang ujud.

Masyarakat Kampung Lubuk Kelubi ini adalah satu masyarakat tani yang tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat nasional yang lebih besar. Ia tidak dapat disamakan dengan komuniti Orang Asli yang lebih terhad hubungannya dengan dunia luar. Dengan itu dengan sendirinya masalah penduduk yang dihadapi oleh kumpulan pemburu dan pengumpul makanan yang semata-mata berharap kepada pemberian alam berbeza dengan masalah penduduk satu kawasan seperti di Lubuk Kelubi ini. Segala masalah yang dihadapi oleh sebuah kampung mempunyai hubungan lansung dengan masalah diperingkat nasional. Penyelesaiannya juga mempunyai kaitan langsung dengan matlamat perancangan pembangunan negara.

Dalam bab penutup ini penulis akan melihat dengan secara umum segala penemuan yang telah dibuat berhubung kependudukan di Lubuk Kelubi. Di antara proses yang akan dilihat ialah fertiliti, mortaliti dan penghijrahan.

Bagaimanapun penulis tidak dapat menyentuh mortaliti dengan mendalam kerana data yang didapati amat terbatas.

Dari piramid penduduk (lihat bab empat) menunjukkan ada kecenderungan kepada turunnya kadar fertiliti. Ini dijelaskan dari tapak piramid yang merangkumi umur dalam lingkungan 0 - 9 tahun adalah lebih kecil daripada had umur yang lebih tua. Ini merupakan satu kecenderungan baru bagi negara membangun kerana selalunya tapak piramid bagi penduduknya lebih besar dan menirus ke atas. Pemahaman terhadap piramid ini memerlukan penelitian terhadap tiga proses penting demografi iaitu fertiliti, mortaliti dan penghijrahan. Ketiga-tiga ini mempunyai akibat yang bersalingkait.

Dari piramid penduduk juga didapati kurangnya perempuan di dalam lingkungan umur daripada 15 - 49 tahun iaitu umur yang dikatakan produktif. Dari lingkungan umur ini terdapat hanya 47 orang perempuan sahaja. Bilangan ini tidak menunjukkan status perkahwinan masing-masing. Penulis mendapai cuma 43 daripada mereka yang telah berkahwin. Mereka inilah yang memberi kesan kepada kadar fertiliti. Bilangan yang kecil ini adalah akibat langsung dari penghijrahan. Kebanyakan mereka ini mengikut suami berpindah. Ada di antara mereka yang bekerja di luar dari kampung ini dan apabila berkahwin mereka terus menetap di tempat mereka bekerja.

Kepada penulis kesan yang paling besar sekali berhubung dengan fertiliti ialah penangguhan perkahwinan, penghijrahan yang banyak berlaku bagi peringkat umur 20 - 30 tahun dan juga sedikit sebanyaknya oleh amalan peranwangan keluarga. Penangguhan umur perkahwinan jelas berlaku di Lubuk Kelubi. Dari kumpulan umur 15 - 19 tahun hanya seorang sahaja yang telah berkahwin. Kecenderungan serupa ini juga berlaku secara menyeluruh di kawasan desa di Malaysia. Ini telah dibuktikan oleh Palmore dalam

menghuraikan kenapa fertiliti kawasan desa semakin menurun (lihat SEADAG REPORTS 1972:6). Penerimaan perancangan keluarga pula terhad kepada ibu-ibu muda sahaja dan ini pun tidak menyeluruh. Sebahagian besar daripada mereka menganggap anak itu sebagai asset kepada mereka. Mereka beranggapan bahawa anak-anak adalah tempat mereka menaruh harapan tentang masa tua mereka. Mereka tidak mempunyai simpanan yang banyak dan dengan itu mereka beranggapan kalau mempunyai ramai anak-anak sudah tentu mereka tidak akan membiarkan mereka. Kata mereka kalau mempunyai ramai anak senang, kalau tidak semua pun yang akan membantu mereka nanti mesti ada juga di antara mereka yang akan berbuat demikian. Di sini jelas bahawa selain dari faktor ugama faktor ekonomi juga penting dalam menghuraikan kenapa perancangan keluarga tidak mendapat penerimaan yang menyeluruh di kalangan penduduk. Dapat dikatakan bahawa kemiskinan itu sendiri yang menyebabkan mereka lebih suka mempunyai keluarga besar. Tanpa ada jaminan hidup yang baik dari segi ekonomi selagi itulah sikap terhadap saiz keluarga ini tidak akan berubah. Keadaan serupa inilah sebenarnya menyebabkan kempen perancangan keluarga gagal mencapai matlamatnya di kalangan petani miskin seperti di India. Sudah dikatakan bahawa bagi sektor pertanian keluarga merupakan satu yunit pengeluaran. Anak-anak mereka turut terlibat dalam proses mengerjakan tanah. Ada ahli demografi menganggap bahawa bagi masyarakat serupa ini tidak ada tahap remaja (adolescent). Anak-anak yang baru meningkat belasan tahun sudah menganggap diri mereka sudah dewasa - mereka sudah mempunyai kesedaran yang mendalam terhadap kesempitan hidup keluarga mereka. Dengan itu penulis berpendapat bahawa selagi keadaan ekonomi tidak terjamin kempen perancangan keluarga ini tidak akan men-

capai matlamatnya.

Kadar pertambahan penduduk Malaysia adalah 2.6 peratus dan ini adalah satu kadar tambahan yang tinggi di Asia tetapi pengertian dari kenyataan ini mestilah dilihat dari konteks pertumbuhan ekonomi Malaysia. "Economic growth generally as measured by the gross national product, has also outstripped population growth by a rate (6 % per year) which is better than twice the population rate of growth." (Jabatan Perangkaan Malaysia 1976:101). Dengan ini jelas bahawa Malaysia masih boleh menampung kadar pertambahan penduduk yang ada sekarang. Bagaimanapun GNP seperti yang disebutkan di atas juga tidak dapat menjadi petunjuk kepada pembahagian kekayaan dalam satu-satu masyarakat. Abdul Rahman Haji Embong (1974) menekankan bahawa penduduk adalah penghasil semua modal dan harta. Apa yang perlu diubah ialah hubungan-hubungan pengeluaran yang mengongkong dan memeras supaya penduduk boleh menikmati faidah dari tenaga buruh mereka dan bukan dikongkong dan diperas oleh beberapa orang di atas. Kemunduran negara-negara Dunia Ketiga pada asasnya bukan disebabkan oleh sumberjaya (resources) yang makin kehabisan tetapi adalah disebabkan oleh pembolotan dari segi ekonomi dan politik ke atas negara-negara tersebut oleh kuasa-kuasa penjajah, terutama menerusi perwadanan-perbadanan antara negara.

Berhubung dengan mortaliti penulis tidak dapat kadar mortaliti secara umum bagi penduduk di Kampung Lubuk Kelubi kerana menghadapi masalah dalam mengumpulkan data. Bagaimanapun bagi kadar mati bagi anak-anak bagi perempuan berumur di antara 15 - 49 tahun boleh dikatakan rendah. Ini mungkin perkhidmatan kesihatan sudah semakin baik walaupun masih

belum boleh dibanggakan. Mortaliti mempunyai hubungan langsung dengan kesihatan. Kesihatan bagi penduduk adalah penting untuk menentukan supaya tenaga buruh benar-benar produktif. Abdul Rahman Haji Embong menekankan:

"A population programme is definitely of crucial importance, but it must be conceived in the light of all the above-mentioned points, by taking the interests of the working people as primary, not only in terms of their economic well-being, but also the health of mothers and the children." (1974:49)

Berhubung dengan penghijrahan penulis mendapati adalah menjadi kecenderungan kepada anak-anak muda yang berumur 20 tahun ke atas untuk berhijrah. Penghijrahan ini bersifat sehala iaitu dari desa ke kota. Implikasi kepada penghijrahan ini ada yang positif dan juga negatif. Kesan positif yang nampak ialah kenyataan bahawa penghijrahan mereka ini ialah untuk bekerja. Adalah lebih baik kepada mereka daripada menggugur di kampung mereka berhijrah untuk mencari kerja di bandar. Dalam golongan ini terdapat juga belia-belia yang menjawat jawatan tinggi melalui pencapaian mereka di bidang pelajaran. Bagaimanapun golongan ini tidak seramai yang berhijrah untuk bekerja sebagai buruh kasar. Walaupun ada mobiliti ekonomi dalam penghijrahan ini tetapi mereka menjadi mangsa upah buruh yang rendah di kilang-kilang. Oleh kerana pendapatan mereka rendah mereka tidak mampu untuk menyewa rumah-rumah yang mahal. Kebanyakan mereka ini tinggal di kawasan setinggan seperti Kampung Kerinci dan Pantai Dalam di Kuala Lumpur. Ini bukan merupakan masalah Kampung Lubuk Kelubi tetapi sudah menjadi masalah Bandaraya. Bagaimanapun masalah ini seperti yang telah di jelaskan adalah bersalingkait. Oleh kerana Kuala Lumpur merupakan bandaraya utama (primary city), ia telah mengalami pertambahan

penduduk yang paling pesat dan mempunyai jumlah setinggan yang paling ramai. Hal yang sama juga berlaku kepada bandar-bandar lain. Pertambahan penduduk Kuala Lumpur ialah 7.8 % setahun; 2.8 % adalah disebabkan oleh pertambahan natural iaitu melalui kelahiran dan kira-kira 5 % adalah disebabkan oleh penghijrahan dari desa (Ishak Shaari 1976:15). Pertambahan penduduk ini menyebabkan Kuala Lumpur mengalami masalah perumahan yang semakin rumit untuk diselesaikan. Seramai 300,000 orang dari 50,000 keluarga sekarang menjadi setinggan di bandar-bandar dan sebahagian besarnya tinggal di Kuala Lumpur (Ishak Shaari 1976:16). Kerajaan perlu memikirkan dengan teliti samaada perpindahan dari desa ke kota ini merupakan urbanisasi atau semata-mata perubahan tempat tinggal. Yang jelas berlaku kepada mereka yang bergaji kecil ini ialah perubahan tempat tinggal dari kampung tradisi kepada kampung bandaran.

Oleh kerana penghijrahan ini bukan satu penghijrahan yang dirancang seperti rancangan tanah FELDA banyak masalah timbul dan tidak dapat diatasi dengan sewajarnya. Penghijrahan ke rancangan tanah FELDA jauh lebih baik kerana segala kemudahan sosial telah difikirkan dan dilaksanakan dengan teliti. Kalaupun timbul masalah-masalah kecil, ia hanya boleh dicari jalan untuk menyelesaikannya dari masa ke semasa. Bagi kawasan setinggan ada tiga masalah yang sedang mereka hadapi. Pertamanya ialah rumah yang tidak selesa, kedua, tiada bekalan air dan ketiga, tiada bekalan elektrik. Kemudahan-kemudahan ini penting. Tanpa mempunyai kemudahan-kemudahan tersebut besar kemungkinan pelajaran anak-anak mereka akan terganggu. Masalah moral mungkin timbul. Ini ialah kerana adanya adanya age selectivity dalam proses penghijrahan ini di mana kita dapati

mereka yang berhijrah ke bandar ini terdiri dari belia-belia dalam lingkungan umur 20an tahun. Dalam lingkungan umur yang masih muda ini banyak kemungkinan boleh berlaku. Dengan pertembungan dengan gaya-hidup kota proses peleburan nilai-nilai tradisi berlaku dari masa ke semasa.

Penghijrahan ke bandar ini sebenarnya mendapat galakan dari kerajaan terutama sekali sejak berlakunya peristiwa 13 Mei. Implikasi politik kepada penghijrahan ini penting khususnya bagi Malaysia untuk mengimbangi komposisi penduduk dari segi kaum di bandar. Dalam pada itu kerajaan perlu menjalankan dasar yang lebih tegas supaya pendatang baru ke bandar ini diberi pembelaan yang sewajarnya dalam rangka mencapai equalization of opportunity antara kaum. Kerajaan harus pula menimbangkan kenyataan bahawa adalah satu fenomena yang universal bahawa golongan yang berhijrah ini selalunya masuk ke kelas yang paling bawah dalam strata kelas bandar. Keadaan yang sama juga berlaku di negara Barat.

Selain daripada kesan yang berlaku di bandar, proses penghijrahan ini juga menyebabkan kurangnya penduduk-penduduk yang berumur dalam lingkungan umur 20an di kampung. Bagi Kampung Lubuk Kelubi ini juga berlaku. Ada tanah sawah di sini yang sudah tidak diusahakan kerana kekurangan tenaga kerja. Satu perkara yang perlu dijelaskan di sini ialah penulis mendapati luas tanah sawah di sini tidak ekonomis. Mereka hanya mengerjakannya sekali setahun iaitu tanaman dalam musim sahaja. Luas tanah sawah di sini juga tidak ekonomis untuk pembinaan parit dan taliair. Dengan itu jelas bahawa pertanian yang berdasarkan padi di sini tidak berkembang. ini menyebabkan anak-anak kepada petani padi yang telah tamat tempoh persekolahan mereka terpaksa keluar dari kampung

untuk mencari kerja. Untuk menjalankan dasar penghijrahan dari kota ke desa seperti yang dilakukan oleh Cina Komunis adalah tidak mungkin. Apa yang kerajaan boleh buat ialah pemecahan pusat-pusat industri seperti yang dilakukan di Jepun dan juga memperhebatkan lagi pembukaan tanah-tanah baru. Penulis mendapati hanya seorang sahaja belia di Kampung Lubuk Kelubi yang menjadi peneroka rancangan tanah. Pendapatan peneroka ini jauh lebih baik daripada mereka yang bekerja di kilang-kilang.

BIBLIOGRAFI

Buku-Buku Rujukan

- BARCLAY, G.W. 1958 - Techniques of Population Analysis,
New York, John Wiley and sons Inc.
- DAVIS, W.H. (eds.) 1971 - Readings in Human Population Ecology,
Englewood Cliffs, N.J., Prentice-Hall.
- FIX, A.G. 1971 - Semai Senoi Population Structure and
Genetic Microdifferentiation.
(Doctoral Dissertation, University
of Michigan, 1971).
- FORD and DEJONG (eds.) 1970 - Social Demography, Prentice-Hall, inc.,
Englewood Cliffs, N.J.
- JANSEN, C.J. 1970 - Readings in the Sociology of Migration,
The Commonwealth and International
Library, Publisher: Robert Maxwell.
- MATRAS, J. 1973 - Populations and Societies, Englewood
Cliffs, N.J., Prentice-Hall.
- NAG, MONI 1962 - Factors Affecting Human Fertility
in Non-Industrial Societies :
A cross-cultural study, Yale University
Publications in Anthropology No.66.

ABDUL RAHMAN HAJI EMBONG

Population Theory and Population Policy:

Some Critical Comments, dalam Ilmu

Alam, Bil. 3, Mei 1974. (terbitan UKM).

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

- Kertas Penyelidikan Bil. 10,

Penduduk-Penduduk Malaysia, Ogos, 1976.

